

AJARAN SESAT

MERUNGKAI KEKUSUTAN & KECELARUAN



Cetakan Pertama 2015

© Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia
Penerbitan

Data Pengkatalogan-dalam-

Penerbitan:

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Tingkat 9, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah

Seksyen 5

40000 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan


Tel: 603-5514 3752

Faks: 603-5512 4042

E-Mel: pro@mais.gov.my

Laman web: mais.gov.my

Dicetak oleh:




KANDUNGAN

PRAKATA	vii
BAB 1: GAMBARAN RINGKAS TENTANG AHLI SUNNAH WAL JAMAAH	1
1.0 MUKADIMAH	1
1.1 KONSEP DAN CIRI-CIRI AHLI SUNNAH WAL JAMAAH	1
BAB 2: MENGAPA SESAT?	5
2.0 MUKADIMAH	5
2.1 MAKSUD AJARAN SESAT	5
2.2 SEJARAH AJARAN SESAT	7
2.3 KATEGORI AJARAN SESAT	9
2.4 DOKTRIN AJARAN SESAT	12
2.5 FAKTOR-FAKTOR PENYEBARAN AJARAN SESAT	25
2.6 KESIMPULAN	32

BAB 3:	APAKAH TINDAKAN KITA?	35
3.0	MUKADIMAH	35
3.1	ILMU ADALAH PENYULUH	35
3.2	BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH	38
3.3	BERPEGANGLAH DENGAN AL-QUR'AN DAN AS-SUNNAH	41
3.4	KESIMPULAN	42
BAB 4:	KENAPA MASIH SESAT?	45
4.0	MUKADIMAH	45
4.1	KEJAHILAN	46
4.2	KECUAIAN	48
4.3	KETERLALUAN	50
4.4	KESIMPULAN	51
BAB 5:	IMPLIKASI AJARAN SESAT	53
5.0	MUKADIMAH	53
5.1	INDIVIDU MUSLIM TERDEDAH KEPADA PERKARA SYIRIK, KUFUR DAN MURTAD	54
5.2	PERPECAHAN DALAM KELUARGA DAN MASYARAKAT	57

5.3	ANCAMAN TERHADAP KESELAMATAN NEGARA	58
5.4	KESIMPULAN	59
BAB 6:	PEMBANTERASAN AJARAN SESAT	61
6.0	MUKADIMAH	61
6.1	PERANAN MEMBASMI AJARAN SESAT	61
6.2	JENTERA PEMBASMI AJARAN SESAT	71
6.3	METODE TEKNIKAL DALAM PEMBANTERAS AJARAN SESAT	95
6.4	KESIMPULAN	102
BAB 7:	PENUTUP	105
7.0	MUKADIMAH	105
7.1	KESIMPULAN	108



PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, Selawat dan Salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Dengan limpah dan kurniaNya maka dapatlah buku, *Ajaran Sesat: Merungkai Kekusutan & Kecelaruan* ini diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dengan pembiayaan sepenuhnya daripada Lembaga Zakat Selangor. Terbitan buku ini adalah bertujuan mengembalikan semula manfaatnya kepada umat Islam melalui penjagaan akidah yang sering diancam oleh pelbagai pihak.

Islam dan umatnya tidak pernah sunyi daripada ancaman dan cubaan yang mengganggu gugat kesucian pegangan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dari segi akidah, syariah dan akhlak penganutnya. Penularan ajaran sesat khususnya di Malaysia jika diperhalusi bukan sahaja datang daripada musuh Islam yang nyata tetapi juga dari cubaan mengeliru dan menyelewengkan umat Islam dengan menggunakan nama “ISLAM” kononnya demi menjaga kesucian agama ini. Sesuai dengan tuntutan semasa dan demi menjaga keharmonian dan kesucian Islam serta manhaj ASWJ, penerbitan buku ini adalah sebagai satu usaha “*al wiqayatul khairun minal ilaj - mencegah lebih baik daripada merawat*”. Perbincangan di dalam buku ini merangkumi pengenalan, sejarah, kategori dan doktrin ajaran sesat yang mencemarkan kesucian Islam. Kelemahan penguatkuasaan dan kelemahan menangkis pengaruh budaya barat adalah antara faktor penyebaran ajaran sesat berleluasa.

Kupasan lain yang turut dititikberatkan ialah implikasi ajaran

sesat kepada individu, keluarga, masyarakat dan keselamatan negara. Metode teknikal yang perlu dimainkan oleh individu, keluarga, institusi agama, pendidikan dan kerajaan sebagai jentera pembasmi ajaran sesat mengakhiri perbahasan di dalam buku ini.

Dalam menghadapi gelombang kekusutan dan kecelaruan ajaran sesat, buku ini cukup relevan sebagai satu wahana kepada ummah dan warga Selangor khususnya melalui satu pendedahan awal berkaitan bahayanya penularan dan doktrin ajaran sesat. Ia menjadi tanggungjawab bersama untuk mengenali, memahami, menjauhi dan menghindari diri, keluarga dan masyarakat daripada terjerumus ke kancah penyelewengan yang menggugat kestabilan dan kesucian agama Islam. Semoga buku ini mampu menjadi rujukan bermakna bagi melonjakkan kesedaran kepada umat Islam bagi mempertahankan akidah, syariat dan akhlak Islam yang sebenar.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ingin mengucapkan “*Jazakumullahu Khairan Kathira*” kepada semua pihak yang sama-sama terlibat bagi menyiapkan buku yang amat berharga ini untuk kepentingan akidah umat Islam. Semoga dengan usaha yang kecil ini, akan memberi manfaat yang besar kepada umat Islam di samping memberi kesedaran untuk mengeluarkan zakat bagi kemaslahatan ummah melalui lapan asnaf yang diwajibkan. Hasil ganjaran yang diperolehi melalui penerbitan buku ini akan dikongsi pahala dan manfaatnya oleh pengeluar zakat di akhirat kelak.

Sekian, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

YAD Dato’ Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa
Pengerusi MAIS

BAB 1

GAMBARAN RINGKAS TENTANG AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

1.0 MUKADIMAH

Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) merupakan pegangan dominan umat Islam di seluruh dunia termasuk Malaysia. Malaysia di antara negara-negara Islam yang telah menetapkan bahawa pegangan rasmi masyarakat Islam di negara ini adalah berdasarkan pada akidah dan fatwa-fatwa ASWJ. Ketentuan ini adalah berdasarkan keputusan dan pengamalan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan para mufti serta ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 menetapkan sebagaimana berikut (e-Fatwa 2013): *“Umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada segi akidah, syariah dan akhlak.”*

1.1 KONSEP DAN CIRI-CIRI AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Istilah bahasa Arab iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah berasal daripada dua patah perkataan iaitu, *“Ahl Al-Sunnah”* dan *“Al-Jamaah”* yang memberi maksud golongan yang mengikuti

pegangan Nabi SAW atau mengikuti jalan hidup Baginda SAW dan jemaah para Sahabat terutamanya *Khulafa' Ar-Rasyidin* yang dididik oleh Baginda SAW. Ajaran ASWJ meliputi ajaran-ajaran Islam mengenai akidah, syariah dan akhlak yang dibawa semenjak zaman Nabi SAW serta para Sahabat Baginda SAW (Abdul Hamid Yunus 2010: 1).

Istilah ASWJ diambil dan dirumuskan oleh ulama berdasarkan hadis-hadis Nabi SAW. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi daripada Abdullah Bin Amr RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَابْنِ إِسْرَائِيلَ تَفْرَقَ قَعْدَى ثَلَاثِينَ سَبْعِينَ مِائَةً، وَتَفْتَرِقُ أُمِّي عَلَى
ثَلَاثِينَ سَبْعِينَ مِائَةً كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِائَةً وَاحِدَةً، قَالُوا:
وَمَنْ هِيَ أَرْسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: مَا أَنَا عَلَيْهِمْ أَصْحَابِي

Maksudnya: "Sesungguhnya telah berpecah Bani Israel kepada tujuh puluh dua kelompok. Manakala umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga kelompok di mana kesemuanya akan ke neraka kecuali satu kelompok. Mereka bertanya: 'Siapakah mereka itu wahai Rasulullah?' Baginda SAW menjawab: 'Mereka ialah golongan yang berpegang kepada ajaranku dan para Sahabatku.'"

Begitu juga hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah daripada Anas Bin Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِبْنِ إِسْرَائِيلَ تَفْرَقَ قَعْدَى إِحْدَى وَسَبْعِينَ مِائَةً، وَأَنَا مِمَّنْ سَتَفْتَرِقُ
قَعْدَى ثَلَاثِينَ سَبْعِينَ مِائَةً، كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةً وَهِيَ الْجَمَاعَةُ

Maksudnya: *“Sesungguhnya telah berpecah Bani Israel kepada tujuh puluh satu kelompok dan umatku akan berpecah kepada tujuh puluh dua kelompok di mana kesemuanya akan ke neraka kecuali Al-Jamaah (iaitu kelompok dan majoriti umat).”*

Berdasarkan riwayat hadis tersebut dan riwayat-riwayat lain yang sama erti dengannya, para ulama telah membuat kesimpulan bahawa maksud mereka yang mengikut sunnah Rasulullah SAW dan para Sahabat adalah golongan ASWJ. Akidah ASWJ adalah satu pegangan yang berakar umbi daripada ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan para Sahabat Baginda. Kemudian, ia disusun dengan lebih bersistem dan teguh oleh ulama-ulama terkemudian terutamanya dua tokoh utama imam ASWJ iaitu, Imam Abu Al-Hassan Al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur Al-Maturidi.

Akidah ASWJ merupakan ajaran yang betul, lurus, selamat, jelas dan tiada kekeliruan padanya. Antara ciri-ciri utama pegangan akidah ASWJ adalah pertama, berpegang dan mentafsirkan hukum-hukum Islam berdasarkan empat sumber utama iaitu Al-Qur'an, As-Sunnah, ijmak dan qias tanpa mengabaikan peranan atau kepentingan setiap satu daripadanya.

Kedua, berpegang pada ajaran Islam yang meliputi perkara berkaitan iman (akidah), Islam (syariat) dan ihsan (akhlak) atau sifat kehambaan.

Ketiga, berpegang pada Al-Qur'an yang dihimpunkan oleh para Sahabat terutamanya Al-Qur'an yang dikenali sebagai Mashaf Uthmani serta As-Sunnah terutamanya hadis-hadis yang dihimpunkan oleh ulama besar hadis seperti Al-Bukhari, Muslim, At-Tirmidzi, Abu Daud, Imam Nasa'i, Ibnu Majah dan imam-imam lain yang diiktiraf.

Keempat, berkepercayaan bahawa para Sahabat kesemuanya bersikap benar dan adil tanpa mengkufurkan salah seorang

daripada mereka terutamanya para Khulafa' Ar-Rasyidin iaitu Sayidina Abu Bakar As-Siddiq RA, Sayidina Umar Al-Khattab RA, Sayidina Uthman Bin Affan RA dan Sayidina Ali Bin Abi Thalib RA.

Kelima, percaya dan beriman kepada perkara-perkara ghaib terutamanya yang sabit melalui Al-Qur'an dan As-Sunnah seperti seksaan azab kubur, pembalasan syurga dan neraka dan sebagainya.

Keenam, tidak mengkufurkan saudara seIslam atau yang berkilatkan Kaabah (*Ahl Al-Qiblah*) dengan mudah kecuali dengan pertimbangan ilmu yang adil sesuai dengan kebenaran.

Ketujuh, kesederhanaan dalam kepercayaan dan pengamalan iaitu tidak terlalu ekstrem dan tidak terlalu cuai (*bayna ifrat wa tafrit*).

Inilah antara ciri-ciri utama pegangan akidah ASWJ yang perlu kita perhatikan agar ia dipraktikkan dalam kepercayaan (akidah), pengamalan (syariat) dan keperibadian (akhlak) kita sebagai seorang Muslim. Sesungguhnya, apabila wujud kepercayaan, pengamalan dan keperibadian yang menyalahi ciri-ciri tersebut maka ditakuti ia bukan berdasarkan akidah ASWJ yang dijanjikan selamat daripada penyelewengan dan kesesatan.

BAB 2

MENGAPA SESAT?

2.0 MUKADIMAH

Firman Allah SWT:

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿١﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ
غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٢﴾

Maksudnya: “Bimbinglah kami ke jalan yang lurus. Iaitu jalan orang yang Engkau telah anugerahkan nikmat kepada mereka, bukan jalan orang yang dimurkai dan bukan pula jalan orang yang sesat.”

(Surah Al-Fatihah; 1 : 6-7)

Bab ini akan membincangkan *problems* atau permasalahan berkaitan ajaran sesat secara umum. Tajuk-tajuk perbincangan dalam bab ini adalah berkaitan latar belakang ajaran sesat seperti maksud, sejarah, kategori ajaran sesat dan doktrin-doktrin utama ajaran sesat.

2.1 MAKSUD AJARAN SESAT

Ajaran menurut bahasa bermaksud segala sesuatu yang diajarkan,

nasihat, petunjuk, teori, mazhab atau hukuman (*Kamus Dewan* 2007: 20). Sesat menurut bahasa bermaksud tidak mengikut jalan yang betul, tersalah atau tersilap jalan, terkeliru atau menyimpang dari jalan yang benar (*Kamus Dewan* 2007: 1478). Kombinasi perkataan “ajaran sesat” menurut *Kamus Dewan* bermaksud ajaran yang terpesong daripada akidah atau syariat agama Islam (*Kamus Dewan* 2007).

Menurut Panel Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (JAKIM 2010: 3), ajaran sesat bermaksud ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang didakwa berdasarkan kepada ajaran Islam atau didakwa tidak berlawanan dengan dasar-dasar ajaran Islam tetapi sebenarnya ajaran atau amalan tersebut adalah berlawanan dengan akidah dan syariah Islam berdasarkan Al-Qur’an dan As-Sunnah.

Menurut Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007: 26), ajaran sesat bermaksud sebarang ajaran atau amalan yang didukung oleh orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan itu berdasarkan pada ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan itu bertentangan dengan Al-Qur’an dan As-Sunnah, bercanggah dengan akidah Islam dan berlawanan pula dengan mazhab yang muktabar iaitu ASWJ.

Berdasarkan pada beberapa definisi yang dikemukakan dan bersesuaian dengan situasi di Malaysia dengan ketentuan tertentu dari sudut kepercayaan, pengamalan dan pengabdian di negara ini, maka ajaran sesat didefinisikan sebagai sebarang ajaran yang didukung oleh orang Islam atau bukan Islam dengan dakwaan bahawa ajaran tersebut adalah berlandaskan ajaran Islam. Sedangkan pada hakikatnya ajaran tersebut bertentangan dengan sumber utama Islam iaitu Al-Qur’an, As-Sunnah, ijmak dan qias serta bercanggah dengan pegangan atau pandangan ASWJ dari sudut akidah, syariat dan akhlak.

2.2 SEJARAH AJARAN SESAT

Ajaran sesat telah bermula sejak awal Islam di mana wujud kelompok-kelompok yang dipimpin oleh individu-individu yang mengaku sebagai nabi. Menurut Abu Al-Sa'ud (Engku Ahmad Zaki 2007: 29-35), terdapat 11 orang individu yang memimpin ajaran sesat sejak zaman Rasulullah SAW dan zaman Khulafa' Ar-Rasyidin atau zaman awal Islam. Daripada 11 kelompok, 3 daripadanya muncul pada zaman Rasulullah SAW iaitu kelompok yang dipimpin oleh Al-Aswad Al-Unsi (w. 11 H) daripada Bani Madlaj, Musailamah Al-Kazzab (w. 11 H) daripada Bani Hanifah dan Tulaihah Bin Khuwailid (w. 21 H) daripada Bani Asad.

Sebanyak tujuh kelompok yang muncul pada zaman Sayidina Abu Bakar As-Siddiq. Antaranya ialah kelompok yang dipimpin oleh Uyainah Bin Hasan daripada kabilah Fazarah, Qurrah Bin Salamah Al-Qusyairi daripada kabilah Ghatafan, Al-Fuja'ah Bin Abdul Yalil (w. 11 H) daripada kabilah Bani Sulaym, Malik Bin Nuwairah (w. 12 H) daripada kabilah Bani Yarbu', Sajah Binti Al-Mundhir (w. 55 H) daripada kabilah Bani Tamim, Al-Ash'ath Bin Qais (w. 40H) daripada kabilah Kindah dan Al-Hatam Bin Zaid daripada kabilah Bani Bakr. Kesemua tujuh kelompok ini telah dibanteras dan diperangi oleh Sayidina Abu Bakar As-Siddiq RA.

Kelompok yang ke-11 muncul pada zaman Sayidina Umar Al-Khattab (w. 23 H). Kelompok yang sesat dan menyeleweng daripada Islam ini dipimpin oleh Jabalah Bin Al-Ayham (w. 20 H) daripada kabilah Ghasan. Secara umum, kesemua kelompok yang sesat dan menyeleweng daripada Islam ini telah dibanteras dan diperangi oleh para Khulafa' Ar-Rasyidin. Inilah antara tanggungjawab para pemimpin umat demi menjaga agama Allah SWT.

Sekiranya diperhalusi, kebanyakan ajaran sesat dan menyeleweng daripada Islam yang muncul selepas Nabi Muhammad SAW adalah dengan dakwaan sebagai nabi atau

rasul. Ini kerana masyarakat Arab melihat dakwaan sebagai nabi atau rasul adalah sebagai bentuk baharu dalam mendapatkan pengikut dan kedudukan. Sebagaimana yang dimaklumi, masyarakat Arab hidup dalam kelompok dan kabilah. Ketua atau pemimpin kelompok atau kabilah biasanya individu yang paling berpengaruh kedudukannya sama ada dari keluarga terhormat, ternama dan berharta. Justeru, dakwaan sebagai nabi ketika itu dilihat sebagai bentuk baharu dalam mendapatkan pengikut dan kedudukan.

Ajaran sesat telah mula dikesan bergerak di Malaysia sebelum tahun 1950-an lagi. Kebanyakan ajaran sesat bergerak secara senyap-senyap atau tanpa disedari menyebabkan ia sukar dikesan dan dibanteras oleh pihak berkuasa agama dengan lebih awal. Ajaran sesat dipercayai dibawa masuk oleh penganut-penganut dari negara-negara asal timbulnya ajaran sesat tersebut atau rakyat tempatan yang kembali semula ke Malaysia setelah belajar atau menetap di luar negara.

Munculnya ajaran sesat di negara ini disebabkan beberapa faktor. Antaranya disebabkan wujud golongan musuh-musuh Islam yang ingin meruntuhkan ajaran Islam dengan mengubah, menyeleweng dan merosakkan ajaran Islam. Musuh-musuh Islam tidak akan duduk diam dan mereka sentiasa berusaha menghapuskan Islam. Namun, Allah SWT sentiasa menjaga agama yang diredaiNya. Firman Allah SWT:

يُرِيدُونَ لِيطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِ وَلَوْ

كَرِهَ الْكَافِرُونَ ﴿٦١﴾

Maksudnya: "Mereka sentiasa berusaha hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tetap menyempurnakan cahayaNya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian)."

(Surah As-Saff; 61 : 8)

Selain itu, ajaran sesat wujud disebabkan adanya individu-individu yang mempunyai kepentingan diri seperti untuk mendapatkan kedudukan, pengaruh, pangkat, harta dan sebagainya.

2.3 KATEGORI AJARAN SESAT

Ajaran sesat sebagaimana yang telah didefinisikan iaitu sebarang ajaran yang didukung oleh orang Islam atau bukan Islam sedangkan ia bertentangan dengan Al-Qur'an, As-Sunnah, ijmak dan qias serta bercanggah dengan pegangan atau fatwa-fatwa ASWJ dari sudut akidah, syariat dan akhlak (JAIS: 2012). Justeru, ajaran sesat ruang lingkupnya amat luas sama ada sesat dari sudut kepercayaan atau akidah, sesat dari sudut pengamalan atau syariat dan sesat dari sudut akhlak atau pengabdian antara hamba bersama Tuhannya.

Antara fahaman yang sesat dari sudut kepercayaan atau akidah adalah fahaman-fahaman klasik dalam pemikiran Islam yang menyalahi pegangan ASWJ seperti Syiah¹, Murjiah², Khawarij³, Qadariyyah⁴, Jabariyyah⁵ dan Muktazilah⁶. Antara fahaman moden yang sesat dari sudut kepercayaan atau akidah yang menyalahi pegangan ASWJ adalah seperti Nasionalisme⁷,

-
1. Syiah ialah fahaman yang melampau dalam mengagungkan kedudukan Sayidina Ali RA dan kaum kerabatnya. Syiah turut digelar Rafidhah bermaksud fahaman yang menolak kepimpinan Sayidina Abu Bakar RA, Sayidina Umar RA dan Sayidina Uthman RA bahkan mereka mengafirkan dan melaknat para sahabat dan isteri Nabi s.a.w.
 2. Murji'ah ialah pemikiran yang muncul pada zaman awal Islam yang berpegang pada fahaman penangguhan hukum terhadap orang-orang yang melakukan maksiat sehingga ke hari kiamat. Murji'ah juga berpandangan maksiat tidak memberi kesan kepada iman dan ketaatan tidak memberi kesan kepada kekufuran.

Sekularisme⁸, Liberalisme⁹, Pluralisme¹⁰, Sosialisme¹¹, Kapitalisme¹² dan Komunisme¹³.

Antara fahaman yang sesat dari sudut pengamalan atau syariat ialah ibadah, ritual atau pengamalan yang diada-adakan menyalahi sumber syariat Islam iaitu Al-Qur'an, As-Sunnah,

3. Khawarij secara literal bermaksud "mereka yang keluar". Khawarij pada asalnya adalah kelompok Muslim yang pada mulanya menyokong Sayidina Ali Bin Abi Talib RA tetapi kemudian menolak kepemimpinan Sayidina Ali RA selepas berlakunya Majlis Tahkim antara Sayidina Ali RA dan Sayidina Muawwiyah RA. Menurut Khawarij, orang Islam yang melakukan dosa besar adalah kafir.
4. Qadariyyah adalah fahaman yang berpendapat bahawa perbuatan manusia adalah berdasarkan kepada kehendaknya semata-mata tanpa ketentuan atau qadak dan qadar Allah SWT. Ini bermaksud manusia sepenuhnya berkuasa dan bertanggungjawab terhadap perbuatannya. Lawan terhadap fahaman Qadariyyah ialah Jabariyyah.
5. Jabariyyah dinisbahkan kepada Al-Ja'd Bin Darham dan muncul pada awal zaman pemerintahan Umayyah. Jabariyyah berpendapat bahawa manusia tiada daya membuat pilihan bahkan terpaksa melakukan sesuatu perbuatan. Ini bermaksud segala yang berlaku terhadap manusia adalah takdir dan ketentuan Allah SWT.
6. Muktazilah dinisbahkan kepada Wasil Bin 'Ata' dan muncul pada awal kurun kedua Hijrah. Muktazilah berpegang pada lima prinsip atau asas kepercayaan iaitu; [i] *Al-Tauhid* (Tauhid), [ii] *Al-'Adl* (Keadilan), [iii] *Al-Wa'd Wa Al-Wa'id* (Janji ganjaran dan ancaman), [iv] *Al-Manzilah Bayna Al-Manzilatain* (Kedudukan antara keimanan dan kekufuran) dan, [v] *Al-Amr Bi Al-Ma'ruf Wa Al-Nahy 'An Al-Munkar* (Menyuruh yang makruh dan mencegah yang mungkar).
7. Nasionalisme ialah fahaman yang meletakkan hubungan bangsa, keturunan dan kaum sebagai asas pemikiran atau perjuangan atau pemikiran yang mengutamakan asas kaum atau bangsa mengatasi perkara lain. Antara faktor atau asas yang membentuk fahaman ini ialah; [i] Persamaan bangsa atau kaum, [ii] Persamaan bahasa dan, [iii] Persamaan tempat lahir, tanah air atau watan.
8. Sekularisme ialah fahaman, doktrin atau pendirian yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia atau pemikiran yang mendorong supaya kehidupan ditegakkan atas asas bukan agama dan memisahkan agama dari dunia. Ini bererti bahawa dalam aspek kehidupan seperti politik, pemerintahan, pentadbiran dan sebagainya harus berdasarkan sekularisme iaitu tanpa kaitan agama.

ijmak dan qias. Contoh; (i) mengamalkan solat yang wajib kurang atau lebih daripada lima waktu, (ii) mengguna pakai kaedah pelaksanaan zakat dan puasa yang menyalahi kaedah pelaksanaan yang sedia maklum dan, (iii) menunaikan haji bukan di Makkah atau dilaksanakan pada bulan selain bulan haji dan sebagainya.

Antara fahaman yang sesat dari sudut pengabdian atau akhlak antara hamba bersama Tuhannya seperti pengagungan ketua, guru atau tokoh manusia melebihi kedudukan kemanusiaan. Kebanyakan fahaman atau ajaran sesat dalam kategori ini berselindung di bawah nama tasawuf dan tarekat. Mereka menisbahkan nama kumpulan dengan nama-nama tarekat sufi yang muktabar tetapi hakikatnya mereka tiada kaitan langsung dengan aliran tarekat tersebut. Dakwaan palsu tersebut boleh dikesan dari sudut wujud atau tidak pengijazahan dan sanad sesebuah aliran tarekat yang menjadi sandaran.

-
9. Liberalisme berasal daripada perkataan liberal yang bermaksud bebas dan terbuka. Liberalisme mengesyorkan kebebasan individu termasuk dalam hal beragama atau fahaman atau pendirian yang mahukan demokrasi serta kebebasan dalam setiap aspek kehidupan termasuk dalam beragama.
 10. Pluralisme agama ialah fahaman menyamaratakan, menjadikan atau menganggap sama atau sama rata iaitu tidak berlebihan atau berkurangan, tidak ada perbezaan antara satu agama dengan agama yang lain. Persamaan dan kerjasama agama turut menjadi teras fahaman Pluralisme.
 11. Sosialisme ialah sistem ekonomi berasaskan pemilikan masyarakat ke atas sumber kekayaan semulajadi dan medium pengeluaran. Sosialisme dan Komunisme dilihat sebagai dua ideologi yang hampir serupa.
 12. Kapitalisme ialah sistem ekonomi berasaskan falsafah sosial dan politik atas dasar membangunkan pemilikan individu dan kawalannya secara meluas dalam konsep kebebasan.
 13. Komunisme ialah penyusunan masyarakat dan ekonomi berasaskan perkongsian milik dan campur tangan negara dalam kehidupan individu.

2.4 DOKTRIN AJARAN SESAT

Doktrin bermaksud prinsip atau kepercayaan yang dianggap benar dan satu-satunya yang dapat diterima sebagai kepercayaan seterusnya pengamalan. Doktrin ajaran sesat bermaksud beberapa prinsip atau kepercayaan yang menjadi asas kepercayaan seterusnya pengamalan kepada kumpulan-kumpulan ajaran sesat. Antara doktrin ajaran sesat secara umumnya adalah:

- i. Mengingkari Rukun Iman dan Rukun Islam.
- ii. Meyakini atau mengikuti akidah yang bercanggah dengan syarak.
- iii. Meyakini turunnya wahyu setelah Al-Qur'an.
- iv. Mengingkari kandungan atau kebenaran Al-Qur'an.
- v. Melakukan pentafsiran Al-Qur'an tanpa kaedah yang betul.
- vi. Mengingkari kedudukan hadis Nabi SAW sebagai sumber ajaran Islam.
- vii. Merendahkan para nabi dan rasul.
- viii. Mengingkari Nabi Muhammad SAW sebagai nabi dan rasul terakhir.
- ix. Mengubah asas-asas ibadah yang telah ditetapkan syarak.
- x. Mengkafirkan sesama Muslim tanpa dalil syarii.

Selain itu, antara bentuk-bentuk doktrin umum ajaran sesat adalah seperti dakwaan wujudnya agama atau ajaran baharu, kitab suci baharu selain Al-Qur'an, nabi atau rasul baharu selepas Nabi Muhammad SAW, syariat baharu yang menyalahi syariat yang sedia dimaklumi dan tafsiran-tafsiran agama yang menyeleweng daripada Al-Qur'an dan As-Sunnah. Kesemua

doktrin atau dakwaan ajaran sesat tersebut adalah pencemaran terhadap ajaran Islam yang suci (Abdul Hamid 2006; JAKIM 2010; Mohamad Nidzam 2012).

2.4.1 Mencemari Kesucian Islam

Antara bentuk pencemaran terhadap kesucian Islam adalah dakwaan bahawa semua agama adalah sama atau mendakwa penyatuan semua agama termasuk Islam ke dalam satu agama baharu. Contohnya, ajaran Pluralisme Agama yang mendakwa tiada satu pun agama tunggal dan eksklusif yang boleh disifatkan sebagai agama yang benar atau setidak-tidaknya terdapat kebenaran dan nilai yang benar dalam setiap agama. Inilah dakwaan sesat dan menyesatkan.

Sesungguhnya hanya Islam merupakan agama yang diredai Allah SWT. Firman Allah SWT:

٢
 الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ
 لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya: “Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.”

(Surah Al-Maa'idah; 5 : 3)

Islam adalah cara hidup yang lengkap meliputi segala urusan kehidupan manusia. Islam merupakan agama yang telah lengkap dengan pengutusan nabi dan rasulNya yang terakhir iaitu Muhammad SAW. Justeru, sebarang dakwaan sama ada wujudnya kitab lain selain Al-Qur'an, nabi baharu sama ada nabi yang bersifat universal atau setempat seperti Rasul Melayu, syariat baharu atau tafsiran baharu terhadap syariat yang telah termaktub

dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah, pastinya ia merupakan ajaran menyeleweng dan sesat.

Dalam persoalan agama atau ajaran baharu ini wujud dakwaan bahawa semua agama adalah sama. Sama menurut mereka adalah sama dari sudut tujuan membawa manusia kepada mengenal, menyembah dan mengabdikan diri kepada Tuhan yang satu sebagaimana dakwaan fahaman Pluralisme. Secara kasarnya, dakwaan ini bagaikan benar kerana manusia memang memerlukan kepercayaan, pengamalan dan pengabdian. Namun, adakah aspek kepercayaan, pengamalan dan pengabdian kepada Tuhan dalam Islam sama dengan agama-agama lain? Tidak sama sekali. Rukun-rukun Iman, Islam dan Ihsan yang wujud dalam agama Islam adalah jelas dan amat berbeza dengan agama-agama lain. Inilah aspek yang membezakan Islam dengan agama-agama lain. Firman Allah SWT:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Maksudnya: "Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam."

(Surah Ali 'Imran; 3 : 19)

Sesungguhnya pada hari ini, cabaran akidah ataupun kepercayaan yang menyeleweng daripada Islam bukan lagi datang dengan nama-nama agama seperti Majusi, Hindu, Buddha atau Kristian. Ia datang dengan identiti yang lebih mengelirukan seperti; (i) Sekularisme iaitu fahaman yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia, (ii) Liberalisme iaitu fahaman yang mahukan kebebasan bertindak dalam setiap kepercayaan dan, (iii) Pluralisme iaitu fahaman yang menyatakan bahawa setiap agama itu sama sahaja tujuannya. Sesungguhnya, fahaman dan ideologi sebegini telah dikategorikan oleh mereka yang mengkaji dan mendalami bidang ini sebagai agama-agama baharu yang muncul pada abad ini.

Sebagai seorang Muslim yang cakna akan pegangan dan agamanya mestilah berhati-hati dalam mempercayai dan meyakini ideologi baharu yang wujud apatah lagi mengelirukan. Sudah pasti para alim ulama ialah mereka yang berkelayakan untuk kita rujuk dalam merungkaikan kekeliruan tersebut.

2.4.2 Mencemari Kesucian Al-Qur'an

Antara bentuk pencemaran terhadap kesucian Al-Qur'an adalah mempertikai kebenaran Al-Qur'an, mengubah kedudukan dan struktur ayat-ayat Al-Qur'an, membuat pentafsiran menyeleweng tanpa merujuk tafsiran ulama-ulama muktabar ASWJ di samping mendakwa wujudnya kitab suci lain selain Al-Qur'an atau mendakwa bahawa Al-Qur'an yang sedia ada tidak lengkap atau mempunyai kekurangan. Contohnya, ajaran Syiah yang mendakwa Al-Qur'an mempunyai kekurangan dan ajaran Bahai mendakwa bahawa kitab suci mereka iaitu Al-Bayan memansuhkan semua kitab samawi.

Menolak Al-Qur'an atau mempertikai kedudukannya sahaja merupakan kesesatan yang nyata. Sesungguhnya Al-Qur'an merupakan kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT dan dijamin pemeliharaannya daripada sebarang perubahan atau kepalsuan. Firman Allah SWT:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Qur'an, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."

(Surah Al-Hijr; 15 : 9)

Al-Qur'an yang telah dikumpulkan dan disebarkan dengan nama Mashaf Uthmani merupakan Al-Qur'an yang disepakati oleh umat Islam. Sekiranya wujud Al-Qur'an yang lain dan menyalahi

Al-Qur'an Mashaf Uthmani sama ada wujud pengurangan atau penambahan perkataan, ayat atau surah maka pastinya ia bukan Al-Qur'an yang sebenar. Sebagai contoh sebagaimana yang telah dinyatakan, Syiah mendakwa bahawa Al-Qur'an yang wujud di tangan umat Islam pada hari ini tidak lengkap atau hanya sepertiga daripada kitab suci yang diturunkan dan dakwaan ini sesat lagi menyesatkan. Begitu juga dakwaan Syiah wujudnya surah-surah lain seperti Surah Al-Imam atau Surah Al-Wilayah yang berbeza daripada 114 surah yang sedia dimaklumi merupakan dakwaan yang sesat lagi menyesatkan.

Tegasnya, mana-mana fahaman atau ajaran yang menolak sama ada secara keseluruhan atau sebahagian Al-Qur'an, mempertikai keaslian atau kedudukan Al-Qur'an merupakan fahaman atau ajaran yang sesat lagi menyesatkan.

Terdapat juga dakwaan bahawa wahyu masih turun sebagaimana wahyu yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Ini juga dakwaan sesat kerana wahyu hanyalah dikurniakan kepada para nabi dan rasul sedangkan kenabian atau kerasulan itu telah terputus dengan kedatangan Nabi Muhammad SAW. Sesungguhnya ajaran Islam itu telah lengkap sempurna sebagaimana yang telah ditegaskan dalam firman Allah SWT:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya: "Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu."

(Surah Al-Maa'idah; 5: 3)

2.4.3 Mencemari Kesucian As-Sunnah

Antara bentuk pencemaran terhadap kesucian As-Sunnah adalah mempertikai kedudukan hadis-hadis yang sepatutnya diterima oleh imam-imam hadis ASWJ iaitu Imam Al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Daud, Imam At-Tirmidzi, Imam Ibnu Majah, Imam An-Nasa'i dan lain-lain terutamanya hadis-hadis mutawatir dan sahih. Selain itu, pendirian menolak As-Sunnah atau Al-Hadis secara umum sebagai sumber perundangan hukum Islam merupakan ajaran yang menyeleweng dan sesat. Contohnya, ajaran anti hadis seperti yang dibawa oleh Jemaah Al-Qur'an Malaysia (JAM) yang menolak kedudukan hadis sebagai sumber perundangan hukum.

2.4.4 Mencemari Kesucian Para Nabi Dan Rasul

Antara bentuk pencemaran terhadap kesucian para nabi dan rasul adalah dakwaan adanya nabi atau rasul baharu selepas Nabi Muhammad SAW. Sebagaimana yang telah dinyatakan, kebanyakan ajaran sesat dan menyeleweng daripada Islam yang muncul pada awal Islam iaitu selepas kedatangan Nabi Muhammad SAW ialah dengan dakwaan wujudnya nabi atau rasul baharu. Ini kerana dakwaan sebagai nabi atau rasul dilihat sebagai kaedah baharu dalam mendapatkan pengikut dan kedudukan. Sesungguhnya, Nabi Muhammad SAW merupakan nabi dan rasul terakhir dan tiada lagi nabi atau rasul yang akan diutus selepas itu. Firman Allah SWT:

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِن رَّسُولَ اللَّهِ
وَحَاتَمَ النَّبِيِّينَ ۚ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿١٠٨﴾

Maksudnya: “Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang daripada orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan

segala Nabi-Nabi. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."

(Surah Al-Ahzaab; 33 : 40)

Jelas melalui ayat tersebut bahawa Nabi Muhammad SAW adalah penutup kepada nabi dan rasul yang diutus. Rasulullah SAW turut menyatakan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim daripada Muhammad Bin Jubair Bin Mut'im daripada bapanya bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ لِي أَسْمَاءً أَنَا مُحَمَّدٌ وَأَنَا أَحْمَدُ وَأَنَا الْمَاحِي الَّذِي يَمْحُو
اللَّهُ بِيَ الْكُفْرَ وَأَنَا الْحَاشِرُ الَّذِي يُخْشَرُ النَّاسُ عَلَى قَدَمِي وَأَنَا
الْعَاقِبُ الَّذِي لَيْسَ بَعْدَهُ نَبِيٌّ

Maksudnya: "Sesungguhnya aku mempunyai nama-nama. Aku ialah Muhammad, aku ialah Ahmad, aku ialah 'Al-Mahi' (penghapus) yang mana Allah SWT menghapuskan dengan aku akan kekufuran, aku ialah 'Al-Hasyir' (penghimpun) yang mana manusia dikumpulkan di atas kakiku (ikutanku sebagai pembawa risalah) dan aku 'Al-'Aqib' (pengakhir) yang mana tiada selepasnya seorang Nabi."

Melalui kedua-dua dalil yang dibawakan dan banyak lagi dalil-dalil lain, jelas menegaskan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan nabi dan rasul terakhir. Justeru, nyatalah bahawa dakwaan-dakwaan sebagai nabi atau rasul selepas daripada Baginda SAW adalah dakwaan palsu yang sesat lagi menyesatkan.

2.4.5 Mencemari Kesucian Syariat Islam

Antara bentuk pencemaran terhadap kesucian syariat Islam adalah mempertikai hukum-hakam Islam, mengubah, menambah serta meringankan syariat dan pengamalan dalam Islam atau mendakwa wujudnya syariat yang baharu. Contohnya, ajaran Qadiani yang menghapuskan syariat hukum jihad atau ajaran-ajaran lain yang mendakwa bahawa solat, puasa atau ibadah-ibadah lain cukup hanya dengan niat. Contoh lain adalah ajaran yang menghalalkan nikah batin dan nikah mutaah seperti ajaran Syiah dan ajaran-ajaran sesat lain yang terbabit.

Selain itu, antara bentuk pencemaran terhadap kesucian syariat Islam adalah dakwaan adanya syariat baharu iaitu syariat yang lain daripada syariat yang telah diketahui umum. Ini adalah dakwaan nafsu dan kepentingan peribadi semata-mata. Firman Allah SWT:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِّنَ الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ ۖ فَاحْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ ۚ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ ۚ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شَرْعَةً وَمِنْهَا جَا ۚ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾

Maksudnya: *“Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Qur’an) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) daripada apa yang telah datang kepadamu daripada kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya Ia menjadikan kamu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.”*

(Surah Al-Maa’idah; 5 : 48)

Sesungguhnya ajaran agama Islam yang meliputi tiga komponen utama iaitu iman atau akidah (kepercayaan), Islam atau syariat (pengamalan) dan ihsan atau akhlak (pengabdian atau sifat kehambaan) telah lengkap, tetap serta muktamad sebagai rujukan umat Islam di seluruh dunia. Justeru, sebarang ajaran dan dakwaan yang menyalahi rukun-rukun Islam, Iman dan Ihsan yang sedia maklum adalah ajaran yang sesat lagi menyesatkan.

Perlu diingatkan bahawa Rukun Iman akan kekal dengan enam rukunnya tanpa sebarang pindaan iaitu; (i) Percaya kepada Allah SWT, (ii) Percaya kepada para Malaikat, (iii) Percaya kepada kitab-kitab, (iv) Percaya kepada para rasul, (v) Percaya kepada hari akhirat dan, (vi) Percaya kepada qadac dan qadar. Kesemua perincian Rukun Iman ini perlulah dipelajari, difahami dan diyakini dengan sebaiknya melalui pembelajaran ilmu tauhid. Sebarang pengurangan atau penambahan terhadap Rukun Iman yang enam tersebut adalah ajaran yang sesat lagi menyesatkan.

Begitu juga Rukun Islam akan kekal dengan lima rukunnya tanpa sebarang pindaan. Dakwaan seperti solat fardu lima waktu tidak lagi wajib atau telah terangkat kewajibannya atau berkurangan bilangan waktu solat atau rakaatnya adalah ajaran sesat. Dakwaan seperti puasa bukan lagi pada bulan Ramadan atau hanya dengan beberapa hari atau bukan lagi waktunya bermula terbit fajar sehingga terbenam matahari adalah ajaran sesat. Sebarang pengurangan atau penambahan terhadap Rukun Islam yang lima adalah ajaran yang sesat lagi menyesatkan. Kesemua perincian rukun Islam perlulah dipelajari, difahami dan diamalkan dengan sebaiknya melalui pembelajaran ilmu fiqh.

Sama juga keadaannya dengan tuntutan ihsan. Perinciannya perlu dipelajari, difahami, ditekuni dan diamalkan dengan sebaiknya melalui pembelajaran ilmu tasawuf dan tarekat. Sebarang kecelaruan dan ketidakfahaman berkaitan isu-isu tasawuf dan tarekat perlulah dirujuk kepada ahlinya. Sesungguhnya ahli tasawuf dan tarekat yang perlu dijadikan rujukan ialah mereka yang sahih akidah (kepercayaan) dan syariatnya (pengamalannya). Adapun individu yang mendakwa membawa ajaran tasawuf dan tarekat tetapi akidah dan syariatnya menyeleweng daripada ajaran ASWJ adalah ajaran sesat dan menyesatkan.

2.4.6 Mencemari Kesucian Islam Dengan Tafsiran Menyeleweng

Firman Allah SWT:

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ
سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصْلِهِ جَهَنَّمَ ۖ وَسَاءَتْ
مَصِيرًا ﴿١٥﴾

Maksudnya: *“Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.”*

(Surah An-Nisaa’; 4 : 115)

Sesungguhnya mengikuti jalan yang lain daripada yang ditetapkan oleh Al-Qur’an dan As-Sunnah adalah penyelewengan dan kesesatan. Segala persoalan agama wajib dirujuk melalui Al-Qur’an dan As-Sunnah. Sumber perundangan Islam yang disepakati iaitu Al-Qur’an, As-Sunnah, ijmak dan qias adalah rujukan dalam membincangkan isu-isu baharu dalam Islam. Namun, segala tafsiran terutamanya teks-teks atau nas-nas Al-Qur’an dan As-Sunnah mempunyai disiplin ilmu khusus yang perlu dipenuhi. Ia tidak boleh ditafsirkan oleh sesiapa sahaja apatah lagi individu yang tidak mempunyai kelayakan.

Kini, persoalan berkaitan tafsiran teks-teks atau nas-nas lebih mudah dirujuk kepada Pejabat Agama Negeri-negeri, Pejabat-pejabat Mufti Negeri dan Majlis Fatwa Kebangsaan. Institusi-institusi ini adalah sebagai rujukan dalam kita berhadapan dengan segala pemikiran dan fahaman baharu. Langkah Pejabat Agama Negeri-negeri meletakkan syarat guru-guru agama di setiap negeri untuk mendapatkan tauliah mengajar terlebih dahulu dilihat sebagai langkah kawalan fahaman-fahaman atau ajaran-ajaran yang mungkin mengelirukan dan menyeleweng daripada ajaran ASWJ. Justeru, pastikan bahawa para guru, astaziah (ustaz dan ustazah), penceramah atau sesiapa pun yang mengajarkan agama kepada kita adalah individu yang dikenali, bertauliah dan mempunyai kelayakan.

Sebuah kata-kata yang dinisbahkan kepada Muhammad Bin

Sirin menyebutkan:

إِنَّ هَذَا الْعِلْمَ دِينٌ فَأَنْظِرُوا عَمَّنْ تَأْخُذُونَ دِينَكُمْ

Maksudnya: "Sesungguhnya ilmu ini berkait dengan urusan agama. Oleh itu perhatikanlah daripada siapa kamu mengambil agama kamu."

2.4.7 Mencemari Kesucian Islam Dengan Mendewakan Para Pemimpin

Antara bentuk mendewakan para pemimpin ialah menganggap suci para pemimpin seperti pemimpin bersifat maksum (tidak berdosa), sebagai Imam Mahdi, sebagai Nabi, sebagai jelmaan Tuhan atau sebagai Tuhan. Contohnya, ajaran Qadiani menganggap pemimpin mereka sebagai Imam Mahdi kemudian sebagai Nabi Isa. Contoh lain adalah dakwaan pemimpin atau guru ajaran mereka memegang kunci pintu syurga dan dapat menentukan siapa yang dijamin masuk syurga. Begitu juga pemimpin atau guru tersebut boleh menebus dosa dengan wang atau dengan penyerahan diri zahir dan batin.

Sesungguhnya menghormati, menyantuni, berkhidmat serta mentaati guru atau pemimpin tidak boleh menafikan ketaatan serta kepatuhan kita kepada Allah SWT. Namun, apabila ketaatan kepada guru atau pemimpin menafikan ketaatan serta kepatuhan kita kepada Allah SWT maka ia adalah kesesatan yang nyata. Sesungguhnya Allah SWT telah menegur sikap Bani Israel yang mengagung-agungkan pendeta-pendeta mereka bahkan mempertuhankan Nabi Isa AS. Firman Allah SWT:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ
ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا ۚ لَّا إِلَهَ إِلَّا
هُوَ سُبْحَنَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: "Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama mereka sebagai pendidik-pendidik selain daripada Allah, dan juga (mereka mempertuhankan) Al-Masih Ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan."

(Surah Al-Taubah; 9 : 31)

Justeru, ajaran yang mengajar dan mengajak ke arah ketaatan kepada guru atau pemimpin sehingga menafikan ketaatan serta kepatuhan kepada Allah SWT adalah ajaran menyeleweng dan sesat.

2.4.8 Mencemari Kesucian Islam Dengan Campur Tangan Terhadap Perkara Ghaib

Antara bentuk campur tangan dalam perkara ghaib adalah dakwaan mengetahui perkara-perkara akan datang atau dakwaan mampu berinteraksi dengan jin, syaitan, roh, para wali, para nabi dan para malaikat. Contohnya, amalan menyeru nama orang-orang yang telah meninggal dunia atau roh-roh tertentu dengan jampi-jampi sebagaimana yang dilakukan oleh bomoh atau dukun yang mengamalkan ilmu hitam.

Sesungguhnya perkara ghaib merupakan perkara yang hanya diketahui Allah SWT yang Maha Mengetahui serta manusia-manusia terpilih yang diizinkan Allah SWT untuk mengetahuinya.

Firman Allah SWT:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿١٥﴾

Maksudnya: “Katakanlah lagi: Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah! Dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati).”

(Surah An-Naml; 27 : 65)

Justeru, tiada ajaran yang istimewa sehingga ia mampu mengetahui, memahami dan mentafsir perkara ghaib. Apatah lagi perkara ghaib yang didakwakan tersebut menyalahi Al-Qur'an dan As-Sunnah. Inilah antara ciri-ciri ajaran yang menyeleweng dan sesat.

2.5 FAKTOR-FAKTOR PENYEBARAN AJARAN SESAT

Ajaran sesat tidak akan dapat bertapak, berkembang dan tersebar tanpa adanya sebarang sebab atau faktor yang mendorong munculnya ajaran tersebut. Antara faktor-faktor penyebaran ajaran sesat sebagaimana yang digariskan oleh Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007) ialah kelemahan dalam peruntukan dan penguatkuasaan undang-undang, kelemahan sistem pendidikan Islam, kelemahan menangani unsur negatif media massa, kelemahan menjauhkan pengaruh budaya barat dalam kehidupan dan kelemahan membasmi kepercayaan purba dan adat istiadat yang menyalahi Islam dalam kehidupan.

2.5.1 Kelemahan Dalam Peruntukan Dan Penguatkuasaan Undang-Undang

Kelemahan dalam peruntukan dan penguatkuasaan undang-undang adalah faktor utama ajaran sesat dapat bertapak di negara ini. Antara penyebabnya ialah Mahkamah Syariah di Malaysia tidak diberi kuasa secara meluas dalam menjatuhkan hukuman. Ini kerana Mahkamah Syariah hanya dibatasi terhadap perkara-perkara atau kesalahan-kesalahan yang tidak disebut dalam senarai Mahkamah Persekutuan dan sekadar kuasa yang diberi Undang-undang Persekutuan. Di sini jelas bahawa kuasa Mahkamah Syariah adalah terhad dan dikawal oleh perlembagaan.

Selain itu, kuasa Mahkamah Syariah diperuntukkan hanya kepada orang Islam sahaja. Permasalahan timbul apabila orang Islam yang murtad mendakwa dan menuntut dengan peruntukan undang-undang agar tidak dibicarakan lagi di Mahkamah Syariah kerana mereka bukan lagi beragama Islam. Begitu juga sebagai contoh, orang Islam yang berkhawatir atau berzina dengan pasangan yang bukan Islam membatasi hukuman tersebut kepada individu yang beragama Islam sahaja.

Bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah hukuman yang tidak lebih daripada tiga tahun penjara atau denda sehingga RM5,000 atau enam kali sebatan atau mana-mana kombinasi hukuman tersebut.

Dua contoh kes jenayah syariah yang membuktikan kelemahan dalam peruntukan dan penguatkuasaan undang-undang khususnya bagi membanteras ajaran sesat adalah kes Hasan Bin Yaakub yang melafazkan bahawa wang adalah tuhan nombor satu atau tuhan sebenar. Beliau hanya dihukum tiga bulan penjara. Kedua, Ayah Pin yang mendakwa dirinya adalah nabi malah sebagai tuhan hanya dihukum denda RM2,900 dan 11 bulan penjara. Hukuman-hukuman sebegini tiada kekuatan untuk menghalang apatah lagi membasmi ajaran sesat di negara ini.

Antara penghalang dalam membasmi ajaran sesat yang membawa kepada jenayah murtad ialah Perkara 11(1) Perlembagaan yang menegaskan bahawa keputusan keluar daripada agama Islam tidak boleh dihalang dan hanya orang yang berumur 18 tahun ke bawah sahaja agamanya ditentukan oleh ibu bapanya. Dengan ini, berdasarkan peruntukan kebebasan beragama, agama individu yang melebihi umur 18 tahun tidak boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah kerana bertentangan dengan Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan.

2.5.2 Kelemahan Sistem Pendidikan Islam

Pendidikan Islam merupakan perkara penting yang dapat menjaga kefahaman dan pengamalan Islam seseorang. Dengan pengajaran ilmu Islam yang baik maka penganut Islam itu dapat hidup dengan kefahaman dan pengamalan Islam yang baik. Di negara ini, sistem pendidikan Islam diberikan tempat dalam kurikulum pengajian kebangsaan. Namun, ia lebih bersifat pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran agama Islam dan bukan terhadap ajaran Islam itu sendiri. Ini dilihat dari sudut agama Islam itu tidak diajarkan secara total dengan meliputi aspek akidah, syariat dan akhlak Islam.

Kelemahan sistem pendidikan Islam juga dilihat dari sudut masa yang terbatas bagi meliputi aspek-aspek penting Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak yang perlu dipelajari dan diketahui oleh setiap Muslim. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007), pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah hanya diperuntukkan masa pembelajaran sebanyak 150 minit seminggu dan di peringkat sekolah menengah pula hanya diperuntukkan masa pembelajaran sebanyak 200 minit seminggu. Tempoh sebegini tidak mencukupi untuk meliputi aspek-aspek penting Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak.

Antara kelemahan sistem pendidikan Islam juga ialah kelemahan guru-guru agama dalam menggabungkan pengetahuan

agama Islam dengan pengetahuan semasa seperti sains dan teknologi. Kerana kelemahan tersebut ilmu-ilmu semasa atau moden dianggap janggal sehingga dipinggirkan dengan alasan ilmu-ilmu tersebut merupakan ilmu duniawi semata-mata. Sedangkan, Islam menganjurkan agar dunia dan akhirat itu mestilah diambil secara seimbang atau melebihkan akhirat tanpa meminggirkan dunia.

2.5.3 Kelemahan Menangani Unsur Negatif Media Massa

Media massa bermaksud pelbagai jenis alat komunikasi seperti televisyen, radio, surat khabar, majalah dan seumpamanya yang dapat menyampaikan maklumat berita dan sebagainya kepada orang ramai dengan cepat iaitu dalam masa yang singkat atau disebarkan secara sebaran am. Media massa termasuk media penyiaran dan media percetakan. Sesungguhnya, media massa merupakan alat komunikasi yang penting kepada manusia. Sekiranya ia digunakan secara baik maka hasilnya juga baik. Akan tetapi, sekiranya ia digunakan secara tidak baik maka hasilnya juga tidak baik.

Sesungguhnya, media penyiaran seperti televisyen dan radio serta media percetakan seperti surat khabar, majalah atau sebagainya mestilah sejajar dengan dasar kerajaan dalam membawa misi mendidik masyarakat. Sekiranya pendidikan mengajarkan masyarakat untuk tidak mengikuti ajaran sesat dan menyeleweng maka media massa turut memainkan peranan yang sama. Sekiranya pendidikan mahukan penerapan akhlak dan nilai pekerti yang baik maka media massa seharusnya tidak membawa atau mempromosikan akhlak dan nilai pekerti yang tidak baik.

Sedar atau tidak, bahawasanya media massa dunia dikuasai oleh orang bukan Islam. Tambahan pula, agensi yang berkuasa tersebut tidak mementingkan langsung nilai atau ajaran Islam. Justeru, janganlah kita mudah memasukkan segala budaya yang tidak baik sekiranya kita berkehendakkan masyarakat

yang baik. Unsur hiburan yang amat melampau di dalam media massa sehingga meleakakan masyarakat menyebabkan ada yang menganggap untuk apa belajar bersusah payah sedangkan wujud platform-platform menerusi pelbagai program realiti yang menjanjikan populariti dan kemewahan duniawi.

Usaha untuk menangani unsur negatif media massa lebih mencabar pada hari ini apabila wujudnya internet dan segala kecanggihan serta kepelbagaian jenis peranti. Melalui kemudahan ini, perkara negatif atau ajaran-ajaran sesat bukan lagi masuk melalui pintu-pintu tetapi ia wujudnya pada setiap penjuru. Cabaran sebegini hanya mampu dihadapi oleh individu yang ampuh dari segi akidah, syariat dan akhlak Islam. Namun, bagaimanakah status atau keutamaan sistem pendidikan negara ke arah memantapkan perkara tersebut di dalam dada anak bangsa dan masyarakat?

2.5.4 Kelemahan Menjauhkan Pengaruh Budaya Barat Dalam Kehidupan

Firman Allah SWT:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ ۚ قُلْ
 إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ ۚ وَلَئِنَّ آتِيتَهُمْ بِعَدَاةٍ لِّذِي
 جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ ۚ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِن وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾

Maksudnya: “Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): ‘Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar.’ Dan demi sesungguhnya jika

engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnyanya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh daripada Allah (sesuatu pun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu."

(Surah Al-Baqarah; 2 : 120)

Ayat tersebut mengingatkan kita bahawa musuh Islam iaitu Yahudi dan Kristian tidak akan berdiam diri dengan umat Islam. Mereka akan sentiasa merancang untuk merosakkan umat Islam agar tidak lagi berpegang kepada ajaran Islam tetapi cukup dengan namanya sahaja. Sesungguhnya musuh Islam mengetahui apabila umat Islam berpegang teguh dengan ajaran Islam maka umat Islam akan menjadi umat terunggul yang menguasai dunia. Ini adalah fakta sejarah yang berlaku terhadap umat Islam terdahulu. Islam telah membuktikan kemampuan mengatasi tamadun besar dunia iaitu Rom dan Parsi.

Secara sedar atau tidak bahawa telah lama wujud konspirasi ke arah penjajahan minda dan jiwa manusia seluruh dunia yang dirancang oleh musuh-musuh Islam. Segala maklumat dan berita terlebih dahulu disekat dan ditapis oleh agensi-agensi terkemuka seperti CNN, BBC, News Network, Reuters dan seumpamanya. Tujuannya hanyalah untuk menyembunyikan segala keburukan mereka dan mempamerkan segala kebaikan mereka.

Pihak media dan penyiaran antarabangsa pula dengan dakwaan kebebasan berkarya memberikan kebebasan total yang melampau. Maka lahirlah karikatur Denmark yang menghina, filem Belanda 'Fitna' terbitan Geert Wilders dan banyak lagi karya yang cuba memberikan gambaran buruk terhadap Islam dan menghina Al-Qur'an serta Nabi Muhammad SAW.

Inilah penjajahan yang perlu disedari oleh umat Islam agar minda dan jiwa kita tidak boleh diperkotak-katikkan seterusnya tunduk serta memperakui segala tindakan mereka yang tidak

bertamadun. Bahkan ia cuba dipereelok dan diperindah atas dakwaan “Kebebasan” dan “Hak Asasi Manusia”.

Sebagai seorang Muslim, minda kita tidak boleh terus berada di takuk yang lama. Minda Muslim haruslah kreatif, inovatif dan berdaya saing agar umat Islam terus maju, cemerlang dan terbilang. Kemajuan umat Islam pula tidak boleh mengikut acuan barat kerana kemajuan mereka jauh dari dasar agama sedangkan kemajuan Islam perlu didirikan di atas dasar Islam itu sendiri.

Sebagai masyarakat Islam Malaysia yang merdeka, kita seharusnya membentuk budaya dan keperibadian kita sendiri yang berasaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah. Realitinya kita lebih menggemari budaya barat yang membinasakan. Segalanya dituruti tanpa mengklasifikasikan yang mana baik dan yang mana buruk. Gaya penampilan, pakaian, pergaulan, hiburan dan lain-lain lagi semuanya mengikut kerangka dan apa yang telah dicorakkan oleh barat tanpa mempedulikan ajaran Islam. Sehingga anak-anak muda hari ini yang menggayakan pakaian tradisional Malaysia seperti baju kurung dianggap kolot (JAWI 2008).

2.5.5 Kelemahan Membasmi Kepercayaan Purba Dan Adat Istiadat

Kemantapan ilmu akidah, syariat dan akhlak Islam merupakan perkara asas yang dapat menangani permasalahan kelemahan membasmi kepercayaan purba dan adat istiadat. Sesungguhnya Islam tidak menafikan kewujudan kepercayaan purba dan adat istiadat. Namun, Islam hanya memerangi kepercayaan purba dan adat istiadat yang menyalahi akidah, syariat dan akhlak Islam.

Antara kepercayaan purba dan adat istiadat yang masih wujud pada masyarakat negara ini ialah kepercayaan terhadap perkara-perkara ghaib, jin dan hantu tanpa panduan daripada nas-nas yang diwahyukan. Kerana itu istilah-istilah Melayu lama seperti makhluk halus, hantu, jembalang, puaka, dewa, roh,

semangat dan sebagainya masih lagi digunakan dan dipercayai. Sedangkan dalam penjelasan akidah bahawa makhluk utama ciptaan Allah SWT itu hanya terdiri daripada manusia, malaikat dan jin.

Kelemahan membasmi kepercayaan purba dan adat istiadat masih boleh diukur apabila masyarakat Islam negara ini masih lagi menjadikan bomoh atau pawang sebagai tempat pengaduan masalah dalam kehidupan mereka. Bomoh atau pawang tersebut dirujuk apabila wujudnya masalah hidup. Sama ada ketika menghadapi kesukaran dari segi mendapat jodoh, memperoleh zuriat, memajukan perniagaan dan sebagainya. Sesungguhnya amalan-amalan ini merupakan amalan mensyirikkan Allah SWT.

Adat istiadat orang Melayu masih lagi menebal diamalkan di dalam negara ini. Antara adat istiadat orang Melayu yang perlu ditinggalkan adalah amalan mandi membuang sial, upacara melenggang perut ibu yang mengandungkan anak sulung, upacara menepung tawar dan menabur beras kunyit dan sebagainya. Adat istiadat orang Melayu sebegini dan adat istiadat yang lain perlu diperhalusi agar mana-mana yang masih lagi wujud sehingga kini tidak lagi diamalkan sekiranya ia bertentangan dengan Islam.

2.6 KESIMPULAN

Kesimpulan perbincangan bab ini adalah seperti berikut:

- i. Ajaran sesat bermaksud sebarang ajaran yang didukung oleh orang Islam atau bukan Islam dengan dakwaan bahawa ajaran tersebut adalah berlandaskan ajaran Islam. Sedangkan pada hakikatnya ajaran tersebut bertentangan dengan sumber utama Islam iaitu Al-Qur'an, As-Sunnah, ijmak dan qias serta bercanggah dengan pegangan atau ASWJ dari sudut akidah, syariat dan akhlak.

- ii. Ajaran sesat muncul disebabkan musuh-musuh Islam yang ingin merosakkan agama Islam dan wujudnya individu-individu yang mencari kedudukan, pengaruh, pangkat, harta dan sebagainya.
- iii. Ciri-ciri ajaran sesat dapat dikesan apabila kedudukan Al-Qur'an dan Al-Hadis dipertikai serta wujudnya perubahan pada kefahaman serta syariat Islam yang diamalkan dan ketahui umum. Selain itu, pemimpin serta guru-guru diberikan kedudukan yang melebihi kedudukan para nabi apatah lagi dipertuhankan.
- iv. Al-Qur'an dan As-Sunnah merupakan petunjuk pada keselamatan dan kesesatan. Selain itu, para alim ulama muftabar, mereka yang berkelayakan dan pihak berkuasa agama seperti Jabatan Mufti mestilah selalu dirujuk agar tidak terjerumus ke dalam ajaran yang menyeleweng lagi sesat.

Firman Allah SWT:

قُلْ إِنِّي نُهَيْتُ أَنْ أَعْبُدَ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ قُلْ لَا أَتَّبِعُ أَهْوَاءَكُمْ قَدْ ضَلَلْتُ إِذًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): 'Sesungguhnya aku dilarang menyembah mereka yang kamu sembah yang lain daripada Allah.' Katakanlah lagi: 'Aku tidak akan menurut hawa nafsu kamu, kerana kalau aku turut, sesungguhnya sesatlah aku, dan tiadalah aku daripada orang-orang yang mendapat hidayah dan petunjuk.'"

(Surah Al-An'aam; 6 : 56)

BAB 3

APAKAH TINDAKAN KITA?

3.0 MUKADIMAH

Bab ini akan membincangkan *actions* atau tindakan terhadap ajaran sesat secara umum. Setelah dalam bab pertama membincangkan *problems* atau permasalahan, maka bab kedua membincangkan *actions* atau tindakannya. Tajuk-tajuk perbincangan dalam bab ini adalah berkaitan kepentingan ilmu di mana ilmu merupakan penyuluh dalam kehidupan. Seterusnya, perbincangan berkaitan kesatuan atau hidup secara berjemaah merupakan penyelamat sebagaimana pepatah menyebut: *“bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”*. Akhirnya, ialah seruan berpegang kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah sebagai jaminan keselamatan di dunia dan akhirat.

3.1 ILMU ADALAH PENYULUH

Dalam Islam, ilmu adalah sesuatu yang wajib dituntut oleh setiap individu Muslim kerana ia adalah cahaya, penyuluh dan penyelamat. Dengan ilmu, hamba dapat hidup sebagaimana yang dikehendaki oleh Tuhannya iaitu, hamba itu akan mengenali, membesarkan dan mengabdikan diri kepada Tuhannya. Ilmu dapat melahirkan insan bertakwa yang sentiasa cermat dan berhati-hati dalam mengharungi kehidupan di dunia. Ilmu adalah asas pembangunan insan, masyarakat dan negara. Ilmu

mengangkat manusia di sisi Tuhannya dan mengangkat manusia menjadi mulia dalam kalangan sesama manusia. Firman Allah SWT:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ
وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya: "Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dalam kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan."

(Surah Al-Mujaadalah; 58 : 11)

Melalui ilmu yang benar yang diperoleh daripada individu yang berkeelayakan pastinya kita akan terselamat daripada penyelewengan dan kesesatan. Dengan ilmu kita pastinya akan lebih berhati-hati terhadap ajaran yang dilihat menyalahi dan menyeleweng daripada ajaran Islam. Melalui ilmu, ajaran-ajaran yang telah diwartakan sesat oleh pihak berkuasa agama tempatan dapat dipantau, diketahui dan dijaga agar kita tidak terjerumus dan terbabit dengannya.

Selain itu, para ilmuwan dan para alim ulama muktabar serta pihak berkuasa agama seperti Pejabat Mufti mestilah selalu dirujuk mengenai sebarang ajaran yang disangsikan. Sesungguhnya Islam adalah agama yang jelas dari segi kebenarannya dan mengenai batas-batas kekufurannya. Diriwayatkan oleh Ibnu Majah daripada Al-Irbad Bin Sariah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

قَدْ تَرَكْتُكُمْ عَلَى الْبَيَضاءَ لَيْلُهَا كَنَهَارِهَا، لَا يَزِيغُ عَنْهَا بَعْدِي إِلَّا هَالِكٌ، مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ فَسِيرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِمَا عَرَفْتُمْ مِنْ سُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّدِينَ، عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ

yang jelas nyuu auripuuu seburang kesamaran. jelasnyu auripuuu gelap malam gelita seperti siang harinya. Sesiapa pun tidak akan tergelincir darinya selepas itu melainkan mereka yang ditakdirkan binasa. Sesiapa yang hidup selepas itu akan melihat kekeliruan yang banyak sekali. Maka hendaklah kamu berpegang dengan apa yang telah kamu ketahui daripada sunnahku dan sunnah Khulafa' Ar-Rashidin yang terpimpin. Peganglah kepercayaan itu dengan teguh.

InsyaAllah, melalui ilmu yang benar yang diperoleh daripada sumber-sumber muktabar pastinya kita akan terselamat daripada ajaran atau fahaman yang sesat lagi menyesatkan. Dengan ilmu, kita pastinya dapat mengesan ciri-ciri kesesatan yang wujud pada setiap ajaran yang menyeleweng dan sesat.

Namun, dalam menimba ilmu satu peringatan penting perlu diberi perhatian adalah pemilihan guru yang benar-benar berilmu dan beramal dengan ilmunya. Kesilapan memilih guru akan mengakibatkan seseorang terjerumus pada ajaran menyeleweng dan menyesatkan. Ini kerana ada guru yang bertujuan untuk menyesatkan manusia kerana faktor-faktor tertentu seperti mendapatkan kedudukan dan pengikut serta mengaut keuntungan demi kepentingan peribadi. Mereka ini umpama dajal dan pastinya pengikut-pengikut kepada syaitan. Rasulullah SAW telah mengingatkan kita tentang guru atau pemimpin yang sebegini. Riwayat Ahmad bahawa Abu Zar RA telah bertanya kepada Rasulullah SAW:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ شَيْءٍ أَخَوْفُ عَلَى أُمَّتِكَ مِنَ الدَّجَالِ قَالَ
الْأَيُّمَةُ الْمُضِلِّينَ

lebih takutkan ke atas umatmu berbanding dajal? Rasulullah SAW menjawab: Para imam (pemimpin) yang menyesatkan."

Justeru, setiap daripada kita perlulah berusaha menambahkan pengetahuan yang bermanfaat untuk kehidupan kita di dunia agar kita selamat di akhirat kelak. Sesungguhnya sebagaimana yang telah dinyatakan, ilmu itu adalah cahaya, penyuluh dan penyelamat.

3.2 BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH

Firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ
عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ
إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا
كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٢﴾

Maksudnya: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada

tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai, dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu daripada neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya."

(Surah Ali 'Imran; 3 : 103)

Sesungguhnya Allah SWT menciptakan manusia dalam keadaan hidupnya memerlukan kepada yang lain. Manusia tidak akan mampu untuk hidup secara bersendirian. Buktinya sebagai contoh, bahan makanan manusia seperti nasi sahaja memerlukan manusia-manusia lain yang membantunya untuk menanam padi, memprosesnya sehinggalah menjadi nasi. Kerana itu, ahli falsafah, Aristotle menyatakan manusia adalah "haiwan politik" kerana ia adalah makhluk yang hidup secara berjemaah dan bersosial.

Dalam Islam, hidup secara berkumpulan atau secara berjemaah adalah satu tuntutan. Ini kerana, Islam adalah agama yang mementingkan hubungan hamba dengan Tuhannya dan hubungan manusia sesama manusia. Dalam perjalanan sesebuah jemaah pastinya terdapat organisasi atau hierarki yang terdiri daripada ahli biasa dan pimpinan serta jawatan atau tugas tertentu seperti ketua, setiausaha, bendahari dan sebagainya. Susunan organisasi sebegini melicinkan lagi tugas menuruti bahagian tugas masing-masing.

Bahkan, supaya urusan agama Islam ini teratur dan berjalan lancar, maka Allah SWT telah mengutus para nabi dan rasul serta melantik manusia sebagai khalifahNya di bumi ini untuk memimpin manusia supaya mentaati suruhanNya dan menjauhi

laranganNya serta meletakkan garis panduan kerja sebagai jaminan keamanan serta keharmonian hidup.

Justeru, bagi menjaga diri, keluarga, masyarakat dan negara agar sentiasa berada di jalan yang benar dan lurus maka manusia harus menjalani hidup secara berjemaah. Melalui jemaah maka segala tindakan atau perbuatan kita dapat dibantu dengan wujudnya individu-individu di sekitar kita. Sesungguhnya tolong menolong dalam perkara kebaikan adalah sebahagian daripada tuntutan Islam. Apabila tersalah atau tersesat jalan, maka ada yang akan menunjukkan. Kerana itu disebutkan, hidup secara berjemaah itu rahmat dan hidup secara berpecah belah itu merupakan satu azab.

Diriwayatkan oleh Ahmad daripada Muaz Bin Jabal RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الشَّيْطَانَ ذَنْبُ الْإِنْسَانِ كَذَنْبِ الْغَنَمِ يَأْخُذُ الشَّاةَ الْقَاصِيَةَ
وَالنَّاحِيَةَ فَيَأْكُمُ وَالشَّعَابَ وَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ وَالْعَامَّةِ وَالْمَسْجِدِ

MAKNAHNYA. Sesungguhnya syaitan itu serigala ternak manusia seperti mana serigala kepada binatang ternakan. Ia menerkam kambing yang keseorangan dan terpencil. Maka jauhilah kamu daripada berpecah-pecah dan hendaklah (wajiblah) kamu bersama jemaah, orang ramai dan masjid."

Berjemaah dalam Islam itu merangkumi maksud berjemaah dalam ibadah dan memohon pertolongan daripada Allah SWT, berjemaah dalam memohon hidayah untuk umat Islam (Surah Al-Fatihah; 1 : 5-6), berjemaah dalam keimanan, berjemaah dalam beramal kebaikan, berjemaah dalam jihad fisabilillah, berjemaah dalam berpegang teguh dengan agama Allah (Surah Al-Haj; 22 : 77-78) dan berjemaah dalam *amar makruf nahi munkar* (Surah Ali 'Imran; 3 : 110).

3.3 BERPEGANGLAH DENGAN AL-QUR'AN DAN AS-SUNNAH

Islam iaitu agama yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai panduan hidup manusia terdiri daripada tiga komponen utama iaitu iman atau akidah (kepercayaan), Islam atau syariat (pengamalan) dan ihsan atau akhlak (pengabdian atau sifat kehambaan). Justeru, ketiga-tiga komponen ini perlulah diperjelaskan sejajar dan mendapat petunjuk daripada Al-Qur'an dan As-Sunnah. Ini kerana kedua-dua sumber utama iaitu Al-Qur'an dan As-Sunnah merupakan jaminan terselamat daripada sebarang penyelewengan dan kesesatan terhadap ajaran Islam. Rasulullah SAW telah mengingatkan bahawa Al-Qur'an dan As-Sunnah merupakan petunjuk dan panduan utama dalam Islam. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Malik bahawa Baginda SAW bersabda:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُم بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ
وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selama kamu berpegang dengan keduanya, iaitu Kitab Allah (Al-Qur'an) dan Sunnah NabiNya.”

Selain Al-Qur'an dan As-Sunnah, terdapat dua lagi sumber yang disepakati oleh para ulama iaitu ijmak dan qias. Inilah empat rujukan utama umat Islam yang perlu dirujuk dalam mempelajari, memahami dan mengamalkan Islam. Sebarang kekeliruan, ketidakfahaman atau perselisihan yang timbul perlu dirujuk terus melalui empat sumber utama ini. Namun, diingatkan bahawa rujukan terhadap empat sumber ini mestilah melalui para ulama muktabar yang berkelayakan bukan dirujuk terus kepada sumber-sumber ini tanpa sebarang panduan. Sesungguhnya, kesalahan dalam memahami dan mentafsirkan nas-nas syarak

tanpa pengetahuan serta kelayakan bakal membawa pada penyelewengan dan kesesatan dalam beragama.

Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) merupakan pegangan rasmi umat Islam di Malaysia. Sikap kerajaan dan institusi Islam di negara ini dalam menetapkan ASWJ sebagai pegangan rasmi adalah amat baik. Ia bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan dan pegangan hidup serta pengamalan masyarakat Islam di negara ini. Ternyata sikap ini turut memberi impak positif yang berpanjangan dalam menyatupadukan umat dan kestabilan negara. Oleh itu, sebarang usaha untuk memasukkan ajaran dan fahaman yang berlainan daripada ASWJ dan fahaman-fahaman yang berlainan daripada pengamalan biasa masyarakat Islam di negara ini dianggap sebagai usaha untuk mengacaukan kestabilan dan keharmonian negara (JAIS 2012).

3.4 KESIMPULAN

Kesimpulan perbincangan bab ini adalah seperti berikut:

- i. Islam menegaskan bahawa ilmu adalah sesuatu yang wajib dituntut oleh setiap individu Muslim kerana ilmu adalah cahaya, penyuluh dan penyelamat.
- ii. Dengan ilmu seorang hamba itu akan mengenali, membesarkan dan mengabdikan diri kepada Tuhannya mengikut dengan kaedah yang sah.
- iii. Ilmu mengangkat manusia di sisi Tuhannya dan mengangkat manusia menjadi mulia dalam kalangan sesama manusia.
- iv. Ilmu yang benar yang diperoleh daripada individu yang berkelayakan pastinya akan menyelamatkan manusia daripada penyelewengan dan kesesatan.

- v. Para ilmuwan dan alim ulama muktabar serta pihak berkuasa agama seperti Pejabat Mufti mestilah selalu dirujuk mengenai sebarang ajaran yang disangsikan agar umat Islam terselamat daripada terjerumus pada penyelewengan dan kesesatan.
- vi. Islam menegaskan bahawa hidup secara berkumpulan atau berjemaah adalah satu tuntutan. Sesungguhnya hidup secara berjemaah itu rahmat dan hidup secara berpecah belah itu merupakan satu azab.
- vii. Allah SWT mengutus para nabi dan rasul serta melantik manusia sebagai khalifahNya untuk menjaga manusia supaya urusan agama dan kehidupannya teratur dan berjalan lancar sesuai dengan tujuan manusia itu diciptakan.
- viii. Hidup secara berjemaah lebih berkat dan memudahkan kerana segala tindakan atau pekerjaan dalam kehidupan harian dibantu oleh individu-individu di sekeliling. Sesungguhnya tolong menolong dalam perkara kebaikan adalah sebahagian daripada tuntutan Islam.
- ix. Individu yang hidup secara berseorangan ibarat binatang ternakan yang keseorangan dan terpencil. Ternakan tersebut mudah disambar dan diterkam oleh serigala. Begitulah juga manusia yang jauh daripada jemaah lebih mudah terseleweng dan tersesat jalan.
- x. Al-Qur'an dan As-Sunnah merupakan jaminan terselamat daripada sebarang penyelewengan dan kesesatan terhadap ajaran Islam.

BAB 4

KENAPA MASIH SESAT?

4.0 MUKADIMAH

Bab ini akan membincangkan *results* atau akibat daripada perbincangan ajaran sesat secara umum. Huraian dalam bab pertama telah membincangkan *problems* atau permasalahan manakala bab kedua pula membincangkan *actions* atau tindakan. Maka, bab ketiga ini membincangkan *results* atau akibatnya. Tajuk-tajuk perbincangan dalam bab ini adalah berkaitan sikap kejahilan, kecuaiian dan keterlaluan yang menyebabkan individu atau sekumpulan dalam masyarakat itu masih sesat. Firman Allah SWT:

وَهَدَيْنَاهُ النَّجْدَيْنِ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “Dan Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan, (jalan kebaikan untuk dijalaninya dan jalan kejahatan untuk dijauih)?”

(Surah Al-Balad; 90 : 10)

Sesungguhnya segala persoalan dan permasalahan kehidupan telah diterangkan dan diperjelaskan oleh Islam sama ada bersifat kebenaran atau kebatilan, petunjuk atau kesesatan mahupun kebaikan atau keburukan. Kesemuanya telah dinyatakan dengan

jelas tanpa sebarang kesamaran. Namun, terdapat beberapa penyebab atau faktor yang masih mengekalkan seseorang itu dalam kesesatan iaitu kejahilan, kecuaiian dan keterlaluan (JAIS 2013).

4.1 KEJAHILAN

Sesungguhnya Islam merupakan agama yang bersifat sederhana, mudah, praktikal dan bertoleransi dalam erti kata dapat dilaksanakan bagi semua keadaan, masa dan tempat serta sesuai dengan fitrah kejadian manusia. Namun, akibat daripada kejahilan, maka Islam atau pengamalan hukum-hakam Islam dianggap berat dan menyulitkan. Wujud juga sikap memberatkan perkara yang mudah dan menambah amalan-amalan yang membebankan sehingga melampaui batas kemampuan manusia. Sikap sebegini bukanlah daripada Islam. Islam tidak menyusahkan umatnya sebaliknya manusia itu sendiri yang menyusahkan diri mereka. Riwayat Al-Bukhari daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ وَلَكِنْ يُشَادُّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا
وَأَبْشِرُوا وَاسْتَعِينُوا بِالْغَدْوَةِ وَالرَّوْحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدَّلْجَةِ

Maksudnya: “Sesungguhnya agama ini mudah, dan tidaklah seseorang yang memberatkan urusan agamanya melainkan dia akan dikalahkannya (lemah dan tidak berupaya melaksanakannya), maka tepatkanlah (bersederhana), dekatkanlah (dengan mendekati kesempurnaan), bergembiralah (dengan amalan sedikit tetapi berterusan) dan mintalah bantuan dengan (melaksanakan ketaatan pada waktu-waktu yang membangkitkan semangat) di waktu pagi, petang dan penghujung dari waktu malam.”

Islam adalah agama yang bersifat sederhana, mudah, praktikal dan bertoleransi. Antara beberapa perkara yang mencerminkan bahawa Islam itu merupakan agama yang mudah ialah:

- i. Syariat Islam dilaksanakan mengikut keutamaannya. Ibadah-ibadah wajib mestilah dilaksanakan terlebih dahulu kemudian disempurnakan atau ditambah dengan ibadah-ibadah sunat. Begitu juga perkara-perkara yang haram mestilah dijauhi terlebih dahulu kemudian disempurnakan lagi dengan menjauhi perkara-perkara yang makruh. Adapun perkara-perkara harus adalah di pertengahan, ia boleh dilaksanakan atau ditinggalkan dan dalam Islam, perkara-perkara harus adalah yang terbanyak berbanding perkara wajib, sunat, haram dan makruh.
- ii. Konsep rukhsah atau keringanan dalam pelaksanaan syariat Islam bagi memberi kemudahan kepada umat Islam. Konsep rukhsah dalam Islam wujud dalam semua aspek ibadah. Khususnya bagi mereka yang lemah tubuh badan atau berada dalam situasi darurat. Contohnya, solat yang wajib boleh dilaksanakan sama ada berdiri, duduk dan berbaring dalam keadaan-keadaan tertentu. Begitu pula puasa wajib boleh ditinggalkan ketika bermusafir dan digantikan puasa tersebut pada hari-hari yang lain. Dalam hal ini, Rasulullah SAW pernah menegur seorang Sahabat yang lesu, lemah dan kepenatan kerana berpuasa dalam bermusafir. Riwayat Al-Bukhari daripada Jabir Bin Abdullah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَيْسَ مِنَ الْبِرِّ الصَّوْمُ فِي السَّفَرِ

Maksudnya: "Bukanlah termasuk kebajikan untuk berpuasa dalam perjalanan (jauh)."

- iii. Islam tidak meredakan dan mendukung pelaksanaan ibadah yang membebankan. Rasulullah SAW pernah menegur seorang Sahabat yang dilihat tersangat penat, lemah dan menderita dalam mengerjakan ibadat haji. Nabi SAW bertanya para Sahabat mengapakah beliau dilihat begitu? Para Sahabat menjawab bahawa beliau melaksanakan haji dengan berjalan kaki kerana menunaikan nazar. Riwayat Al-Bukhari daripada Anas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنْ تَعْذِيبِ هَذَا نَفْسِهِ


Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak memerlukan tindakan penyiksaan diri sendiri seperti yang dilakukan oleh orang itu."

4.2 KECUAIAN

Kecuaian bermaksud perihal cuai atau abai, kelalaian atau tidak berhati-hati dalam membuat sesuatu. Kecuaian yang dimaksudkan di sini ialah perihal mencuaikan, mengurangkan dan mengabaikan kehendak agama. Sikap ini amat ditentang oleh Islam. Sesungguhnya sikap yang dianjurkan Islam ialah wasatiyyah iaitu pertengahan atau dalam istilah lain *la ifrat wa la tafrit* iaitu tidak keterlaluan atau terlalu kurang.

Antara bentuk sikap-sikap kecuai dan keterlaluan dalam beragama ialah:

- i. Golongan *literis* yang menolak sepenuhnya fungsi akal dalam memahami nas-nas yang anjal bentuk perlaksanaannya dan golongan yang terlalu berpegang kepada akal dalam memahami nas-nas walaupun ia bercanggah dengan nas-nas yang tetap (*qat'i*)

- 
- ii. Golongan yang mendakwa tidak perlu bermazhab tetapi berpegang terus kepada nas-nas syarak dengan tafsiran sendiri tanpa panduan imam-imam mazhab yang muktabar dan golongan yang terlalu berpegang kepada mazhab sehingga menganggap yang lainnya adalah salah dan sesat.
 - iii. Golongan yang menolak dan memusuhi pendekatan tasawuf dalam mencapai ihsan dan golongan yang terlalu berpegang dengan pendekatan tasawuf tanpa mengambil kira hukum-hukum syarak atau kemungkinan wujudnya perkara-perkara yang perlu diperhalusi dan diperbetulkan.
 - iv. Golongan yang terlalu berkeras dalam perkara-perkara cabang agama dan golongan yang terlalu mengambil mudah dalam perkara-perkara usul atau asas agama.
 - v. Golongan yang menyeru kepada ijtihad dan tajdid (pembaharuan) sehingga dalam perkara-perkara usul atau asas agama yang tetap (*qat'iiyyat*) dan golongan yang terlalu menyeru kepada taklid dengan bersikap jumud sehinggakan dalam perkara-perkara yang belum pernah diperbincangkan oleh para ulama silam.
 - vi. Golongan berfahaman liberal yang terlalu terbuka dan memberikan kebebasan mutlak sehingga merubah hukum-hakam dan syariat Islam dan golongan yang terlalu berpegang kepada prinsip tanpa melihat kepada ruang-ruang yang telah diberikan kemudahan dan keringanan oleh Islam.
 - vii. Golongan yang terlalu melihat kepada pertimbangan maqasid syariah (tujuan atau hikmah syariat) dengan mengetepikan nas-nas yang telah tetap (*thabit*) dan golongan yang mengabaikan pertimbangan *maqasid syariah* dengan dakwaan ingin menjaga kemurnian nas-nas syarak tanpa panduan.
 - viii. Golongan yang terlalu mudah dan melampau dalam

mengharamkan sesuatu perkara serta golongan yang terlalu mudah dan melampau dalam mengharuskan sesuatu perkara lain.

- ix. Golongan yang terlalu mudah dan melampau dalam menyesatkan dan mengkafirkan saudara seIslam dan golongan yang tidak mempedulikan hal kemurtadan dan perkara-perkara yang mencabuli kemurnian dan kehormatan Islam.


4.3 KETERLALUAN

Sikap keterlaluan atau ekstrem dalam beragama bermaksud berlebih-lebihan dalam pengamalan dan pelaksanaan hukum-hukum syariat serta mempersulit diri sendiri atau orang lain. Ia juga bermaksud bersikap rigid atau terlalu tegar terhadap orang lain dalam urusan-urusan agama tanpa mempertimbangkan etika-etika syariat dan kaedah-kaedah agama. Sikap sebegini merupakan sikap yang dicela dan ditentang oleh Islam. Bahkan berdasarkan penerangan Rasulullah SAW, sikap ini merupakan di antara sebahagian faktor kebinasaan umat-umat terdahulu. Riwayat An-Nasa'i dan Ibnu Majah daripada Abdullah Bin Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِيَّاكُمْ وَالْغُلُوَّ فِي الدِّينِ فَإِنَّهُ أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ ائْغُلُوْا فِي الدِّينِ

Maksudnya: *"Jauhilah kamu bersikap melampau dalam beragama, kerana telah binasa mereka yang sebelum kamu disebabkan melampaunya mereka dalam beragama."*

Antara bentuk-bentuk sikap keterlaluan, ekstrem atau melampau dalam beragama ialah keterlaluan dalam pegangan dan keterlaluan dalam pengamalan.



4.3.1 Keterlaluan Dalam Pegangan

Antara sikap keterlaluan dalam pegangan adalah seperti sikap menolak sepenuhnya fungsi akal dalam memahami nas-nas syarak. Sikap dan dakwaan tidak perlu bermazhab tetapi berpegang terus kepada nas-nas Al-Qur'an dan As-Sunnah dengan tafsiran sendiri tanpa panduan imam-imam muktabar dan sikap golongan yang terlalu berkeras dalam perkara-perkara cabang agama. Selain itu, sikap ekstrem dalam pegangan boleh dilihat pada golongan yang menolak dan memusuhi pendekatan tasawuf dan tarekat dalam mencapai makam ihsan atau golongan yang terlalu berpegang dengan pendekatan tarekat tanpa mengambil kira kemungkinan wujudnya perkara-perkara yang perlu diperhalusi atau diperbetulkan. Paling bahaya adalah sikap terlalu mudah dalam menyesatkan dan mengkafirkan saudara seIslam atau langsung tidak mempedulikan hal kemurtadan dan perkara-perkara yang mencabuli kemurnian dan kehormatan Islam.

4.3.2 Keterlaluan Dalam Pengamalan

Antara sikap keterlaluan dalam pengamalan adalah seperti sikap golongan berfahaman liberal yang terlalu memberikan kebebasan, kemudahan dan keringanan mutlak sehingga merubah hukum-hakam dan syariat Islam. Selain itu, sikap golongan yang terlalu mudah dan melampau dalam mengharamkan atau mengharuskan sesuatu perkara. Keterlaluan dalam pengamalan turut dilihat pada sikap berlebih-lebihan dalam pelaksanaan hukum-hukum syariat sehingga mempersulit diri sendiri atau orang lain.

4.4 KESIMPULAN

Kesimpulan perbincangan bab ini adalah seperti berikut:

- i. Segala persoalan dan permasalahan kehidupan telah

diterangkan dan diperjelaskan oleh Islam sama ada ia bersifat kebenaran atau kebatilan, petunjuk atau kesesatan, kebaikan atau keburukan.

- ii. Antara penyebab atau faktor yang masih mengekalkan seseorang itu dalam kesesatan ialah kejahilan dan sikap kecuaiian serta keterlaluhan.
- iii. Kejahilan menyebabkan seorang Muslim itu masih tidak jelas dengan agama Islam lantaran dianggapnya ajaran atau agama lain lebih baik berbanding Islam. Kerana itu disebutkan bahawa kejahilan adalah pembuka ruang kesesatan.
- iv. Kecuaian merupakan sikap yang lahir daripada kejahilan. Kecuaian yang dimaksudkan ialah perihal mencuaikan, mengurangkan dan mengabaikan kehendak agama Islam.
- v. Keterlaluhan atau ekstrem merupakan sikap yang lahir daripada kejahilan. Keterlaluhan yang dimaksudkan ialah berlebih-lebihan dalam pengamalan dan pelaksanaan hukum-hukum syariat serta mempersulit diri sendiri atau orang lain.
- vi. Antara bentuk-bentuk sikap keterlaluhan, ekstrem atau melampau dalam beragama ialah keterlaluhan dalam pegangan dan keterlaluhan dalam pengamalan. Kedua-duanya bukan daripada ajaran Islam.
- vii. Sikap yang dianjurkan Islam ialah *wasatiyyah* iaitu pertengahan atau dalam istilah lain *la ifrat wa la tafrit* iaitu tidak keterlaluhan atau terlalu kurang.

BAB 5

IMPLIKASI AJARAN SESAT

5.0 MUKADIMAH

Bab ini akan membicarakan *lessons* atau pengajaran daripada perbincangan ajaran sesat secara umum lanjutan daripada kupasan bab-bab terdahulu yang menyentuh aspek *problems* atau permasalahan, *actions* atau tindakan dan *results* atau akibat. Perbincangan dalam bab ini memfokus pada aspek-aspek berkaitan implikasi ajaran sesat terhadap individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ
الْبَيِّنَاتُ وَأُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-Nabi Allah), Dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang besar.”

(Surah Ali ‘Imran; 3 : 105)

Sesungguhnya akidah, syariat dan akhlak Islam aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) berperanan menyatupadukan umat dan menjamin keamanan serta kestabilan negara. Manakala ajaran atau fahaman menyeleweng dan sesat yang berlainan daripadanya serta pengamalan biasa masyarakat Islam di negara ini dianggap sebagai usaha untuk mengacaulaikan kestabilan dan keharmonian negara. Ajaran sesat bukan sahaja memberi kesan buruk terhadap individu tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan negara (JAIS 2013).

5.1 INDIVIDU MUSLIM TERDEDAH KEPADA PERKARA SYIRIK, KUFUR DAN MURTAD

Antara kesan ajaran sesat terhadap diri adalah rosaknya akidah dan juga pengamalan syariat seseorang. Selain itu, ajaran sesat akan menyebabkan minda seseorang tertutup kerana dikuasai oleh pemimpin mereka dan akhirnya akan menimbulkan sikap fanatik sehingga mendorong pada tindakan yang tidak rasional. Masa pengikut ajaran sesat juga akan terbuang sia-sia kerana mengamalkan aktiviti yang tidak sihat dan bertentangan dengan ajaran Islam seperti memuja dan melakukan amalan-amalan syirik serta khurafat.

Kesan ajaran sesat terhadap individu yang paling jelas adalah ia menjerumuskan seseorang itu ke dalam perkara syirik seterusnya kufur dan akhirnya membawa murtad atau terkeluar seseorang itu daripada Islam. Sesungguhnya Allah SWT telah mengingatkan manusia bahawa syirik merupakan perkara yang tidak diampunkannya. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ

يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutukanNya dengan sesuatu (apa jua), dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut peraturan hukum-hukumNya); dan sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu (apa jua), maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.”

(Surah An-Nisaa’; 4 : 116)

Sesungguhnya, bermula dengan mensyirikkan Allah SWT seseorang itu boleh terjerumus ke lembah kufur dan murtad atau terkeluar daripada agama Islam. Seseorang boleh menjadi kafir apabila dia ingkar kepada perintah Allah SWT dan mentaati selainNya. Sesungguhnya teramat rugi orang yang berada dalam cahaya Islam kemudian pada akhirnya memilih berada di dalam kegelapan dengan menyembah taghut iaitu sesuatu yang disembah selain daripada Allah SWT. Bagi mereka kemurkaan Allah SWT dan azab yang amat pedih. Firman Allah SWT:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ
بِالْإِيمَانِ وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِّنَ
اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٦﴾ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ اسْتَحَبُّوا الْحَيَاةَ
الدُّنْيَا عَلَى الْآخِرَةِ وَأَنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿١٧﴾
أُولَٰئِكَ الَّذِينَ طَبَعَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَسَمِعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ
وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٨﴾ لَا جَرَمَ أَنَّهُمْ فِي الْآخِرَةِ هُمُ
الْخَسِرُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya: "Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman; akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan daripada Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar. (Kekufuran mereka) yang demikian, ialah kerana mereka lebih mengutamakan kehidupan dunia dari hari akhirat, dan kerana Allah tidak memberi hidayah petunjuk yang menyampaikan kaum yang kufur ingkar (kepada kebahagiaan di akhirat). Mereka itulah orang-orang yang telah dimeterai Allah Taala hati mereka dan pendengaran mereka serta penglihatan mereka; dan merekalah orang-orang yang lalai. Tidak syak lagi, bahawa mereka ialah orang-orang yang rugi pada hari akhirat kelak."

(Surah An-Nahl; 16 : 106-109)

Kesan lain ajaran sesat terhadap individu adalah sesat dalam beragama. Termasuk dalam sesat beragama adalah apabila seseorang itu cenderung melaksanakan ajaran atau amalan yang menyalahi Islam atau pengamalan-pengamalan yang telah diwartakan sesat oleh pihak berkuasa agama. Sesungguhnya orang yang sesat itu ialah mereka yang berterusan dalam perkara kekufuran sehingga taubat mereka tidak lagi diterima oleh Allah SWT. Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ ثُمَّ أَزْدَادُوا كُفْرًا لَّنْ تَقْبَلَ
تَوْبَتُهُمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الضَّالُّونَ ﴿١٠٩﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang kafir sesudah mereka beriman, kemudian mereka bertambah kufur lagi, tidak sekali-kali akan diterima taubat mereka, dan mereka itulah orang-orang yang sesat."

(Surah Ali 'Imran; 3 : 90)

Inilah kesan atau implikasi ajaran sesat terhadap individu. Namun, bermula dengan seorang individu akhirnya akan membawa kepada rosaknya keluarga, masyarakat dan negara. Justeru, pembentukan individu agar menurut dan mengamalkan Islam yang sebenar mestilah menjadi keutamaan dalam pendidikan.

5.2 PERPECAHAN DALAM KELUARGA DAN MASYARAKAT

Kesan ajaran sesat terhadap keluarga adalah keretakan yang membawa pada runtuhnya institusi kekeluargaan. Ini kerana timbulnya rasa curiga sesama ahli keluarga disebabkan perbezaan akidah dan juga kepercayaan. Kehidupan juga tidak akan stabil kerana penglibatan dengan ajaran sesat membawa pada pengabaian tanggungjawab sebagai seorang pelajar, anak, suami, isteri, ibu, atau bapa.

Kesan ajaran sesat terhadap masyarakat adalah keretakan dan runtuhnya institusi masyarakat. Ini kerana timbulnya rasa curiga sesama individu dalam sesebuah masyarakat disebabkan perbezaan akidah dan kepercayaan. Ajaran sesat akan menyebabkan tergugatnya perpaduan umat seperti berlakunya keganasan kerana kepatuhan membuta tuli kepada pemimpin. Pengikut ajaran sesat juga tidak akan menghormati masyarakat sekeliling kerana sikap fanatik mereka terhadap pemimpin dan menganggap mereka sahaja yang benar.

Lazimnya, kehadiran ajaran sesat mewujudkan perbalahan sesama keluarga dan masyarakat yang akhirnya membawa pada kehidupan berpuak-puak sehingga memecahbelahkan keluarga, bangsa dan agama. Ini kerana setiap puak merasakan bahawa mereka sahajalah di pihak yang benar. Akibatnya, wujudlah perasaan benci membenci dan kemungkinan membawa pada perbalahan serta akhirnya perpecahan malah pembunuhan sesama

sendiri. Firman Allah SWT:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ﴿١٠٣﴾ الَّذِينَ ضَلَّ سَعِيَّهُمْ
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ مُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): Mahukah Kami khabarkan kepada kamu akan orang-orang yang paling rugi amal-amal perbuatannya? (laitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang dilakukan oleh mereka."

(Surah Al-Kahfi; 18 : 103-104)

5.3 ANCAMAN TERHADAP KESELAMATAN NEGARA

Kesan ajaran sesat terhadap negara adalah terancamnya perpaduan serta keharmonian masyarakat dan menyebabkan negara tidak stabil. Kestabilan politik dan ekonomi negara akan tergugat kerana terpaksa menghabiskan banyak masa dan belanja untuk mengekalkan kestabilan negara. Selain itu, negara akan mundur kerana individu yang terlibat dengan ajaran sesat tidak proaktif dan sering membuang masa sedangkan prestasi ekonomi negara banyak bergantung pada sumbangan dan produktiviti penduduknya.

Ajaran sesat selain menyebabkan perpecahan ia turut membawa pada pertumpahan darah dalam masyarakat dan negara. Menurut Farahwahida Mohd Yusuf (2011: 117), berlaku peristiwa pada 7 Julai 1979, di mana seorang individu yang mengaku sebagai Imam Mahdi telah mencederakan seorang imam di Masjid Rapat Setia, Ipoh, Perak. Selain itu, sebuah kumpulan

ajaran sesat pengikut Imam Mahdi telah menyerang Balai Polis Batu Pahat pada hari Khamis 16 Oktober 1980. Di samping itu satu peristiwa serangan dan pencerobohan terbesar telah dilakukan oleh kumpulan Al-Maunah terhadap Kem Batalion Askar Wataniah di Gerik, Perak pada 6 Julai 2000. Kesemua ini adalah bermula dengan ikutan terhadap ajaran sesat yang akhirnya mengancam keselamatan negara.

5.4 KESIMPULAN

Kesimpulan perbincangan bab ini adalah seperti berikut:

- i. Akidah, syariat dan akhlak Islam berperanan menyatupadukan umat dan menjamin keamanan serta kestabilan negara. Manakala ajaran atau fahaman menyeleweng dan sesat pula dilihat sebagai usaha untuk mengacaukan kestabilan dan keharmonian negara
- ii. Ajaran sesat bukan sahaja memberi kesan buruk terhadap individu, tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan negara.
- iii. Ajaran sesat memberi kesan buruk, antaranya:
 - a. Akidah dan pengamalan syariat seseorang individu Muslim menjadi terjejas dan rosak.
 - b. Institusi keluarga menjadi rapuh sehingga membawa pada keruntuhan.
 - c. Institusi masyarakat menjadi retak sehingga membawa pada kerosakan dan perpecahan.
 - d. Negara menjadi tidak stabil disebabkan perpaduan serta keharmonian masyarakat diganggu gugat.

BAB 6

PEMBANTERASAN AJARAN SESAT

6.0 MUKADIMAH

Bab ini akan membincangkan *innovations* atau pembaharuan sikap atau tindakan kita terhadap ajaran sesat secara umum. Tajuk-tajuk perbincangan dalam bab ini adalah berkaitan peranan membasmi ajaran sesat oleh individu, keluarga, institusi agama dan institusi pendidikan serta kerajaan. Di samping itu, ia turut memfokuskan pada jentera pembasmi ajaran sesat yang wujud di Malaysia seperti Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), Jabatan Mufti Negeri, Pewartaan Fatwa, Penguatkuasaan Fatwa dan Undang-Undang serta pemeraksanaan Panel Pakar Akidah, Syariat dan Tasawuf.

6.1 PERANAN MEMBASMI AJARAN SESAT

Peranan membasmi ajaran sesat adalah di atas setiap bahu umat Islam sama ada ia perlu dilaksanakan secara individu atau keluarga juga melalui institusi agama, institusi pendidikan atau kerajaan. Dalam Islam, setiap penganut agama itu perlu saling menasihati. Sesungguhnya agama Islam adalah agama nasihat. Diriwayatkan oleh Muslim daripada Tamim Al-Dari RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الدِّينُ النَّصِيحَةُ قُلْنَا لِمَنْ قَالَ لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

Maksudnya: “Agama itu nasihat. Kami berkata: Bagi siapa? Baginda SAW bersabda: Bagi Allah, bagi KitabNya, Bagi RasulNya dan bagi para pemimpin kaum Muslimin dan orang-orang awam mereka.”

Agama itu nasihat bermaksud bahawa agama berperanan mengawal serta memberi petunjuk kepada manusia agar menjadi insan yang baik dan sempurna seterusnya mendapat keredaan Allah SWT. Agama berperanan membimbing manusia agar menjadi insan yang cemerlang dan bahagia bukan sahaja di dunia tetapi di akhirat. Sesungguhnya rujukan dalam membawa manusia untuk cemerlang di dunia dan di akhirat adalah Al-Qur’an dan As-Sunnah.

Nasihat bagi Allah SWT bermaksud nasihat menasihati agar kita beriman dan mengesakan Allah SWT, tidak mensyirikkanNya, patuh terhadap suruhanNya serta menjauhi laranganNya, mensyukuri nikmatNya dan mengharap redaNya.

Nasihat bagi KitabNya pula bermaksud nasihat menasihati agar kita beriman kepada Al-Qur’an dan menjadikannya sebagai panduan hidup.

Seterusnya, nasihat bagi RasulNya bermaksud nasihat menasihati agar kita beriman kepada Nabi Muhammad SAW, mencintainya dan menjadikannya sebagai teladan dalam segala urusan kehidupan, mencintai sesiapa yang mencintainya dan memusuhi sesiapa sahaja yang memusuhinya.

Adapun maksud nasihat bagi para pemimpin kaum Muslimin bermaksud nasihat menasihati agar kita taat, bantu membantu dan menyokong mereka yang memperjuangkan kebenaran dan

keadilan. Malah, bertanggungjawab untuk mengingatkan para pemimpin jika mereka lalai dalam melaksanakan kewajipan.

Manakala nasihat bagi kaum Muslimin pula bermaksud nasihat menasihati agar kita membimbing mereka ke jalan yang benar, mengawasi mereka daripada penyelewengan dan kesesatan, bantu membantu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan serta saling menghormati dan menyayangi.

Inilah Islam yang sifatnya itu menggerakkan setiap penganutnya agar saling membantu dalam menjaga dan mengawasi sesama mereka supaya sentiasa berada dalam kepatuhan kepada Allah SWT dan jauh daripada penyelewengan dan kesesatan.

6.1.1 Peranan Individu

Peranan utama bagi individu dalam mengenal, mengetahui dan membanteras ajaran sesat dan menyeleweng adalah bermula dengan proses menuntut ilmu. Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa ilmu adalah cahaya, penyuluh dan penyelamat. Begitu juga antara bentuk ibadah yang paling utama dan ketaatan yang paling agung yang dianjurkan oleh Islam adalah dengan menuntut ilmu terutama ilmu-ilmu syarak atau ilmu-ilmu berkaitan kepercayaan dan pengamalan Islam. Ilmu syarak yang dimaksudkan adalah ilmu-ilmu yang membahaskan isi kandungan Al-Qur'an dan As-Sunnah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Sebahagian ulama ada menyebutkan bahawa keperluan manusia pada pengetahuan ilmu syarak lebih besar dan utama berbanding keperluan mereka terhadap makanan dan minuman. Sesungguhnya, orang yang berilmu itu pastinya tidak akan sama berbanding orang yang tidak berilmu. Firman Allah SWT:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۚ إِنَّمَا
يَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

Maksudnya: "Katakanlah lagi (kepadanya): Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna."

(Surah Az-Zumar; 39 : 9)

Bermula dengan ilmu setiap individu dapat menjalankan peranan tersendiri untuk memberikan kefahaman dan kesedaran kepada kaum keluarga, rakan, dan masyarakat berkaitan ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang menyeleweng dan sesat. Sesungguhnya, Lembah Klang dan Negeri Selangor serta tidak terkecuali seluruh negeri di Malaysia ini kebanyakan surau atau masjidnya subur hidup dengan majlis-majlis ilmu hampir setiap hari. Cuma kesediaan serta kesungguhan dalam menuntut ilmu-ilmu syariat daripada setiap individu Muslim di negara ini amat perlu dipertingkatkan lagi untuk manfaat dan kebaikan bersama. Sesungguhnya, ilmu adalah penyelamat daripada penyelewengan dan kesesatan.

6.1.2 Peranan Keluarga

Keluarga merupakan institusi yang amat penting dalam sesebuah masyarakat. Boleh dikatakan semuanya bermula dari rumah atau keluarga. Sesungguhnya karakter, perwatakan, peribadi dan pemikiran seseorang itu terbentuk melalui rumah dan keluarganya. Oleh itu, setiap ahli dalam sesebuah keluarga itu terutamanya ibu bapa perlulah memainkan peranan menyuburkan benih pemikiran yang berasaskan akidah, syariat dan akhlak

Islamiah iaitu berpandukan Al-Qur'an dan As-Sunnah serta tidak menyeleweng apatah lagi yang sesat dalam kalangan ahli keluarga.

Sekiranya kita melihat dengan lebih halus, peranan ibu bapa amatlah besar bagi sesebuah keluarga. Ibu bapalah yang bertanggungjawab ke atas masa hadapan anak-anak. Merekalah yang bertanggungjawab mendidik dan menyemai akidah, syariat dan akhlak Islam dalam diri setiap anak-anak. Merekalah yang bertanggungjawab memperkenalkan kepada anak-anak nilai kasih sayang dan erti kehidupan. Merekalah yang bertanggungjawab memandu anak-anak untuk berjaya dan cemerlang bukan sahaja di dunia bahkan di akhirat kelak. Justeru, peranan ibu bapa amatlah besar dan signifikan. Ibu bapa adalah pembina utama setiap individu dalam masyarakat atau dapatlah disimpulkan bahawa ibu bapa adalah sebahagian pembina utama umat Islam.

Dalam permasalahan akidah, Rasulullah SAW ada menyebutkan peranan ibu bapa sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari daripada Abu Hurairah RA bahawa Baginda bersabda:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يَهُودَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ
يُمَجِّسَانِهِ كَمَثَلِ الْبَهِيمَةِ تُنْتَجُ الْبَهِيمَةُ هَلْ تَرَى فِيهَا جَدْعَاءَ

Maksudnya: "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu suci bersih. Kedua ibu bapanyalah yang membuatnya menjadi Yahudi, Kristian atau Majusi. Sebagaimana ternakan yang melahirkan anaknya (dengan sempurna kejadian dan anggotanya), adakah mendapatkan hidung, telinga dan anggota-anggota lainnya cacat terpotong?"


Fitrah dalam konteks hadis tersebut bermaksud Islam. Sesungguhnya setiap bayi atau anak dilahirkan sebagai seorang Muslim dan ibu bapalah yang bertanggungjawab agar agama Islam anak itu sempurna dan supaya anak tersebut kekal dalam fitrah Islamnya serta memastikan anak tersebut tidak dipengaruhi oleh suasana persekitaran yang akan merosakkan atau menjejaskan fitrah keIslamannya.

6.1.3 Peranan Institusi Agama

Sesungguhnya institusi agama sangat berperanan dalam membasmi ajaran sesat. Di Malaysia, seluruh negeri mempunyai Jabatan Agama Negeri. Bahkan institusi agama negeri tersebut dinaungi oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan. Kedudukan dan keistimewaan ini seharusnya dimanfaatkan agar ajaran-ajaran sesat yang menjadikan Malaysia sebagai lokasi penyebaran dan perkembangannya dibanteras sehingga ke akar umbinya.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menubuhkan sebuah jawatankuasa tetap yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Aduan dan Penguatkuasaan. Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan memantau serta menangani isu murtad dan ajaran sesat di negeri ini. Justeru, segala aduan dan persoalan berkaitan ajaran sesat dan ajaran yang mengelirukan bolehlah dirujuk kepada jawatankuasa ini dan jawatankuasa terbabit seperti JAIS.

Kerjasama daripada seluruh masyarakat Islam di Negeri Selangor dan Malaysia umumnya penting untuk sama-sama membanteras ajaran dan fahaman yang menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) sebagai menyahut seruan Allah SWT iaitu tolong menolong dalam membuat perkara kebajikan dan takwa.



6.1.4 Peranan Institusi Pendidikan

Pendidikan mempunyai peranan dan impak yang besar terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara. Pendidikan berkualiti dapat menjamin peluang kepada setiap individu untuk memperoleh dan mengekalkan kualiti kehidupan yang baik. Pendidikan berkualiti menurut Islam bukan sahaja bakal memberikan peluang hidup berkualiti di dunia seperti kemampuan membanteras kemiskinan, meningkatkan ekonomi, membina kestabilan hubungan sosial, membentuk masyarakat serta membangunkan negara maju dan sebagainya. Malah, hasil pendidikan berkualiti menurut Islam menjamin peluang kualiti hidup yang baik di dunia serta di akhirat. Kualiti hidup yang terbaik merupakan satu kebahagiaan dan kesejahteraan yang diimpikan oleh setiap insan.

Sesungguhnya ilmu dalam Islam terbahagi pada dua iaitu ilmu keduniaan dan ilmu akhirat. Apabila setiap individu masyarakat telah mendapatkan pendidikan berkaitan ilmu keduniaan dan ilmu akhirat maka pasti dia terbimbing untuk mencapai kualiti hidup yang terbaik dan kecemerlangan di dunia serta di akhirat. Sebuah ungkapan yang dinisbahkan kepada Sayidina Ali RA menyatakan:

مَنْ أَرَادَ الدُّنْيَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ، وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ، وَمَنْ أَرَادَهُمَا مَعًا
فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ

Maksudnya: “Sesiapa yang inginkan (kejayaan) dunia maka hendaklah dia berilmu, sesiapa yang inginkan (kejayaan) akhirat maka hendaklah dia berilmu dan sesiapa yang inginkan (kejayaan) dunia dan akhirat maka hendaklah dia berilmu.”

Sesungguhnya pendidikan Islam menekankan pembangunan aspek fizikal, mental dan spiritual untuk melahirkan insan yang bersifat kehambaan dan berperikemanusiaan serta benar-benar sempurna. Ia bukan sahaja mahukan pertambahan ilmu bahkan

peningkatan kesempurnaan akhlak dan rohani. Justeru, antara elemen penting yang perlu dititik beratkan dalam pendidikan atau pengajian Islam adalah:

i. Akidah Yang Sahih

Sesungguhnya, penekanan dalam mengenalkan manusia kepada Tuhannya adalah aspek terpenting dalam pendidikan. Akidah Islam yang dimaksudkan ialah huraian kepada Rukun Iman yang enam iaitu, percaya kepada Allah SWT, percaya kepada para malaikat, percaya kepada kitab-kitab, percaya kepada para rasul, percaya kepada hari akhirat dan percaya kepada qadak dan qadar iaitu ketentuan Allah SWT. Huraian terhadap persoalan akidah yang sahih ini mestilah berpandukan kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah serta ikutan atau mazhab imam-imam akidah ASWJ yang disepakati seperti Imam Abu Al-Hassan Al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur Al-Maturidi.

ii. Syariat Yang Sahih

Sesungguhnya, penekanan dalam mendedahkan manusia pada syariat Tuhannya adalah aspek kedua terpenting dalam pendidikan selepas akidah yang sahih. Syariat Islam atau pengamalan sebagai seorang Muslim yang dimaksudkan ialah huraian kepada Rukun Islam yang lima bermula dengan kuncinya iaitu penyaksian tiada Tuhan melainkan Allah SWT serta penyaksian Nabi Muhammad SAW adalah utusanNya, kewajiban solat, kewajiban zakat, kewajiban puasa dan kewajiban haji. Huraian terhadap persoalan syariat yang sahih ini mestilah berpandukan kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah serta ikutan atau mazhab imam-imam fiqh ASWJ yang disepakati seperti Mazhab Maliki, Mazhab Hanafi, Mazhab Syafie dan Mazhab Hanbali.

iii. Akhlak Yang Sahih

Sesungguhnya, penekanan dalam mendedahkan akhlak manusia kepada Tuhannya dan akhlak sesama manusia adalah aspek ketiga terpenting dalam pendidikan selepas akidah dan syariat yang sahih. Apabila setiap insan itu menjaga dengan baik akhlak atau keperibadiannya dengan Tuhannya dan keperibadiannya sesama manusia iaitu bermula dengan pendidikan akidah dan syariat yang sahih seterusnya dilengkapi dengan akhlak yang sahih sudah pasti masyarakat dan negara ini dapat mencapai keharmonian dan keamanan.

Sesungguhnya, aspek akidah (iman), syariat (Islam) dan akhlak (ihsan) adalah aspek pendidikan terpenting dalam Islam. Maka, seharusnya ia juga perlu menjadi aspek penting dalam pendidikan bagi setiap institusi pendidikan. Apabila segala aspek ini dijaga serta diajar, difaham dan diamalkan dengan baik berdasarkan sumber yang sahih, maka masyarakat negara ini akan terselamat daripada sebarang bentuk penyelewengan dan kesesatan.

6.1.5 Peranan Kerajaan

Sebuah ungkapan yang dinisbahkan kepada Sayidina Umar RA menyatakan:

النَّاسُ عَلَى دِينِ مُلُوكِهِمْ

Maksudnya: “Manusia adalah berdasarkan pada agama (gaya atau cara hidup) pemimpinnya.”

Sesungguhnya kerajaan berperanan untuk membentuk rakyatnya melalui undang-undang, peraturan atau ketetapan tertentu. Lazimnya, rakyat akan mengikut segala ketetapan pemimpin atau negaranya. Sekiranya negara tersebut merupakan

negara ASWJ, maka majoriti rakyatnya adalah dalam kalangan ASWJ. Sekiranya negara tersebut merupakan negara Syiah, maka majoriti rakyatnya adalah dalam kalangan penganut Syiah. Sekiranya sebuah negara ASWJ pengamalan fiqhnya berdasarkan mazhab tertentu sama ada Maliki, Hanafi, Syafie dan Hanbali, maka majoriti rakyatnya akan mengikuti pengamalan mazhab-mazhab tersebut. Inilah kepentingan pegangan rasmi bagi sesebuah kerajaan kerana pegangan hidup rakyat secara umumnya adalah berdasarkan pada agama, gaya atau cara hidup pemimpin atau negaranya.

Realitinya, inilah yang telah berlaku atau dilaksanakan oleh setiap kerajaan demi memelihara keamanan, keharmonian dan kesejahteraan sesebuah negara. Penetapan pegangan dan pengamalan rasmi agama adalah penting bagi sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, kerajaan melalui Majlis Fatwa Kebangsaan, Jabatan Mufti dan Jabatan Agama setiap negeri berperanan menjaga kesucian pengamalan agama Islam dengan penetapan bahawa akidah rasmi negara ini adalah berdasarkan akidah ASWJ; ikutan fatwa atau mazhab Imam Abu Al-Hassan Al-Ash'ari, fiqhnya berdasarkan fatwa atau mazhab Imam Muhammad Bin Idris Al-Syafi'i dan tasawufnya berdasarkan fatwa atau ikutan Imam Junaid Al-Baghdadi dan Iman Abu Hamid Al-Ghazali¹⁴.

-
14. Penetapan pengamalan akidah, fiqh dan tasawuf kepada ikutan imam-imam tertentu adalah berdasarkan pengamalan ulama-ulama muktabar silam khususnya ulama-ulama Nusantara terdahulu seperti Syeikh Muhammad Mukhtar Bin 'Atorid Al-Jawi. Beliau telah menyatakan di dalam kitabnya, *Inilah Kitab Usuluddin: Iktikad Ahli Sunah Wal Jamaah* sebagaimana berikut:

"Dan bahawasanya Imam Al-Syafie dan Imam Abi Hanifah dan Imam Malik Bin Anas dan Imam Ahmad Bin Hanbal dan setangkalnya ulama ahli ijtihad itu sekalian tetap atas hidayah yang sempurna daripada Allah SWT pada hukum iktikad dan lainnya maka wajib atas tiap-tiap seorang yang bukan ahli ijtihad bahawa taklid yakni mengikut pada hukum fikah akan salah suatu daripada mazhab mereka itu dan bahawasanya Imam Abi Hassan Ash'ari dan Imam Abu Mansur Maturidi itu ikutan yang benar pada bab iktikad dan bahawasanya tarekat Abi Al-Qasim Junaid Al-Baghdadi dan sekalian ikutannya itu tarekat yang benar yang sunyi daripada bidaah."

Penentuan sebegini memberi kebaikan yang amat signifikan dari sudut kefahaman serta pengamalan masyarakat seterusnya kepada keamanan serta keharmonian negara.

6.2 JENTERA PEMBASMI AJARAN SESAT

Jentera pembasmi ajaran sesat yang dimaksudkan di sini adalah agensi yang bertanggungjawab dalam menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam terutamanya berkaitan dengan ajaran sesat yang wujud di Malaysia. Seterusnya proses lanjutan selepas fatwa dikeluarkan iaitu pewartaan dan penguatkuasaan fatwa serta undang-undang.

Dalam perkara berkaitan dengan pengawasan, pengawalan dan tindakan ke atas ajaran sesat, agama Islam dilihat mempunyai peranan yang tidak dimiliki oleh agama-agama lain. Contohnya, apabila wujud kumpulan ajaran sesat atau ajaran yang menyimpang daripada ajaran Islam maka wujud sebuah agensi rasmi Islam yang mempunyai kuasa membanteras ajaran tersebut. Perkara ini tidak berlaku dalam agama-agama lain walaupun terhadap agama Kristian yang mempunyai penganut teramai dan memiliki organisasi tersusun di dunia. Apabila tiada pengawasan, pengawalan dan tindakan, maka ajaran sesat atau ajaran menyeleweng tersebut akan terus bercambah dan membiak.

Dalam konteks Malaysia, pengawasan, pengawalan dan tindakan terhadap ajaran sesat atau ajaran menyeleweng adalah di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) atau Jabatan Mufti negeri-negeri, kuasa Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama dan peruntukan undang-undang berkaitan, sedikit sebanyak dilihat berjaya menjaga kesucian agama Islam daripada sebarang penyelewengan dan kesesatan.

6.2.1 Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI)

Sebagaimana yang tercatat dalam *e-Fatwa*, Portal Rasmi Fatwa Malaysia (2014), Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ditubuhkan pada awal tahun 1970 sebagaimana diperuntukkan pada Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluar fatwa di peringkat kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Sementara MKI yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri merupakan badan penyelarar di peringkat Persekutuan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada Mac 1968.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah mula bersidang buat pertama kalinya pada 23 hingga 24 Jun 1970 yang dipanggil sebagai Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan tersebut berlangsung sebanyak 18 kali dan yang terakhir diadakan pada 14 Mei 1980. Kemudiannya, penggunaan perkataan “Persidangan” ditukar kepada perkataan “Muzakarah”. Rentetan dari itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang pertama telah diadakan pada 28 hingga 29 Jun 1981.

Tugas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia mengikut Perkara 14 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia adalah menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini akan mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada MKI yang kemudian memajukannya bersama dengan syor kepada Majlis Raja-Raja.

Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia terdiri daripada; (i) seorang pengerusi yang dilantik oleh MKI, (ii) mufti tiap-tiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili negeri dalam hal ehwal agama Islam, (iii) sembilan orang alim ulama dan kalangan profesional serta pakar-pakar Muslim yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja dan, (iv) seorang ahli yang beragama Islam dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau dari profesion undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

Senarai nama Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia adalah seperti berikut (*e-Fatwa* 2015):

NO.	NAMA	JAWATAN
1.	Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Haji Husin	Pengerusi Jawatankuasa Fatwa MKI
2.	Dato' Haji Othman Bin Mustapha	Setiausaha Jawatankuasa Fatwa MKI
3.	Tan Sri Dato' Seri Haji Harussani Bin Haji Zakaria	Mufti Negeri Perak
4.	Dato' Setia Haji Mohd. Tamyas Bin Abd. Wahid	Mufti Negeri Selangor
5.	Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri	Mufti Wilayah Persekutuan
6.	Dr. Haji Wan Salim Bin Wan Mohd. Noor	Mufti Negeri Pulau Pinang
7.	Datuk Dr. Haji Mohd. Mohadis Bin Haji Yasin	Mufti Negeri Melaka
8.	Dato' Haji Muhamad Shukri Bin Muhamad	Mufti Kerajaan Negeri Kelantan
9.	Dato' Sri Haji Abd. Rahman Bin Haji Osman	Mufti Negeri Pahang

10.	Dato' Haji Mohd. Tahrir Bin Dato' Shamsudin	Mufti Negeri Johor
11.	Dato' Haji Mohd Yusof Bin Haji Ahmad	Mufti Negeri Sembilan
12.	Dato' Syeikh Muhamad Baderudin Bin Haji Ahmad	Mufti Negeri Kedah
13.	Dr. Zulkifly Bin Muda	Mufti Negeri Terengganu
14.	Datu Haji Kipli Bin Haji Yassin	Mufti Negeri Sarawak
15.	Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd. Asri Bin Zainul Abidin	Mufti Negeri Perlis
16.	Ustaz Bungsu@Aziz Bin Haji Jaafar	Mufti Negeri Sabah
17.	Tan Sri Sheikh Ghazali Bin Haji Abd. Rahman	Ahli
18.	Dr. Abdul Hayei Bin Abdul Shukor	Ahli
19.	Prof. Dato' Zakaria Bin Stapa	Ahli
20.	Prof Madya Datin Dr. Paizah Binti Haji Ismail	Ahli
21.	Prof. Dr. Zhari Bin Ismail	Ahli
22.	Prof. Dr. Ashraf Bin Md. Hashim	Ahli
23.	Prof. Selamat Bin Hashim	Ahli
25	Prof. Madya Dzulkifly Bin Mat Hashim	Ahli

Pengeluaran pandangan hukum atau fatwa oleh jawatankuasa berkenaan adalah melalui dua cara:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI iaitu proses pengeluaran hukum atau fatwa ini bermula apabila Mesyuarat Majlis Raja-Raja menitahkan supaya Jawatankuasa Fatwa MKI

memberikan pandangan hukum atau fatwa tentang sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat. Isu yang dikemukakan akan dikaji, disediakan kertas kerja berkaitan dan kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI. Apabila Mesyuarat telah mengeluarkan pandangan hukum atau fatwa, maka pandangan hukum atau fatwa berkenaan akan dirafakkan kepada Majlis Raja-Raja melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Pandangan hukum atau fatwa yang telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja tersebut akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri tanpa boleh dipinda dan seterusnya diwartakan sebagai fatwa negeri berkenaan.

- ii. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI iaitu proses pengeluaran hukum atau fatwa ini adalah melalui permohonan dari masyarakat Islam atau pihak-pihak tertentu. Isu yang dikemukakan akan dikaji, disediakan kertas kerja berkaitan dan kemudiannya dibentangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Pandangan hukum atau fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini akan dibawa ke Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri dan negeri boleh meminda keputusan tersebut atau menerimanya tanpa pindaan sebagai fatwa negeri dan seterusnya diwartakan. Pandangan hukum atau fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini juga akan dirafakkan untuk perkenan Majlis Raja-Raja melalui MKI.

Beberapa pihak dan golongan pakar akan dipanggil untuk memberikan pandangan dan penjelasan terhadap isu-isu yang tidak jelas atau memerlukan penjelasan dan taklimat terperinci supaya semua Ahli Jawatankuasa Fatwa MKI mendapat maklumat yang tepat bagi membuat dan memutuskan keputusan.

6.2.2 Jabatan Mufti Negeri-Negeri

Setiap negeri di Malaysia mempunyai Jabatan Mufti yang dikelolakan secara berasingan. Namun, kesemuanya bekerjasama dengan pihak MKI, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Mufti bagi negeri-negeri lain dalam penyelarasan fatwa dan sebagainya.

Berikut adalah senarai Jabatan Mufti Negeri dan Sahibul Samahah Mufti-Mufti di Malaysia (*e-Fatwa* 2015):

No.	JABATAN MUFTI NEGERI	SAHIBUL SAMAAH MUFTI
1.	Jabatan Mufti Negeri Selangor, Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah Persiaran Masjid, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	Dato' Setia Haji Mohd. Tamyas Bin Abd. Wahid Mufti Negeri Selangor
2.	Pejabat Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan, Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan	Tan Sri Dato' Seri Haji Harussani Bin Haji Zakaria Mufti Negeri Perak
3.	Mufti Wilayah Persekutuan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Tingkat 10, Menara Pusat Islam, Jalan Perdana, 50519 Kuala Lumpur	Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri Mufti Wilayah Persekutuan

4.	Pejabat Mufti Negeri Pulau Pinang, Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang	Dato' Dr. Haji Wan Salim Bin Wan Mohd. Noor Mufti Negeri Pulau Pinang
5.	Jabatan Mufti Negeri Melaka, Aras 2, Imarah A, Kompleks MAIM, Jalan Bukit Palah, 75150 Melaka	Datuk Dr. Haji Mohd. Mohadis Bin Haji Yasin Mufti Negeri Melaka
6.	Pejabat Mufti Negeri Kelantan, Kompleks Balai Islam Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim	Dato' Haji Muhamad Shukri Bin Muhamad Mufti Kerajaan Negeri Kelantan
7.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pahang, Jalan Masjid, 26600 Pekan, Pahang Darul Makmur	Dato' Sri Haji Abd. Rahman Bin Haji Osman Mufti Negeri Pahang
8.	Jabatan Mufti Negeri Johor Darul Takzim, Tingkat 3, Kompleks Islam Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, Karung Berkunci 725, 80990 Johor Bharu, Johor Darul Takzim	Dato' Haji Mohd. Tahrir Bin Dato' Shamsudin Mufti Negeri Johor
9.	Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Tingkat 3, Bangunan SUK Lama, Karung Berkunci 45, Jalan Dato' Hamzah, 70990 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus	Dato' Haji Mohd Yusof Bin Haji Ahmad Mufti Negeri Sembilan

10.	Jabatan Mufti Negeri Kedah, Aras 3, Bangunan Mahkamah Syariah & Jabatan Mufti, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Bandar Mu'azam Shah, Anak Bukit, 06550 Alor Star, Kedah Darul Aman	Dato' Syeikh Muhamad Baderudin Bin Haji Ahmad Mufti Negeri Kedah
11.	Jabatan Mufti Negeri Terengganu, Tingkat 1, Pusat Pentadbiran Islam Terengganu, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman	Dr. Zulkifly Bin Muda Mufti Negeri Terengganu
12.	Pejabat Mufti Negeri Sarawak, Aras 15, Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Lorong P.Ramlee 5 Off Jalan P.Ramlee, 93400 Kuching, Sarawak	Datu Haji Kipli Bin Haji Yassin Mufti Negeri Sarawak
13.	Jabatan Mufti Negeri Perlis Tingkat 1, Blok A, Bangunan Dato' Mahmud Mat, 01000 Kangar, Perlis	Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd. Asri Bin Zainul Abidin Mufti Negeri Perlis
14.	Pejabat Mufti Negeri Sabah, Tingkat 6, Blok B, Wisma MUIS, Jalan Sembulan, Beg Berkunci 2070, 88999 Kota Kinabalu, Sabah	Ustaz Bungsu@Aziz Bin Haji Jaafar Mufti Negeri Sabah

Setiap Jabatan Mufti Negeri berperanan menjalankan pengawasan, pengawalan dan tindakan terhadap ajaran sesat atau ajaran menyeleweng secara setempat. Apabila wujud aduan serta permohonan siasatan daripada pelbagai pihak kepada sesebuah Jabatan Mufti Negeri, maka siasatan dan penyelidikan serta penyediaan kertas kerja berkaitan sebuah ajaran sesat atau ajaran menyeleweng akan dilaksanakan berdasarkan prosedur-prosedur yang diguna pakai sehinggalah wujudnya pewartaan di peringkat negeri seterusnya ke peringkat kebangsaan.

6.2.3 Jabatan Mufti Negeri Selangor

Antara Jabatan Mufti Negeri yang aktif dalam melaksanakan pengawasan, pengawalan dan tindakan terhadap ajaran sesat atau ajaran menyeleweng adalah Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Jabatan Mufti Negeri Selangor pada peringkat awal kewujudannya merupakan salah satu bahagian yang terdapat di JAIS. Ia dikenali sebagai Bahagian Fatwa. Ketika itu jawatan mufti belum diwujudkan lagi tetapi dikenali sebagai Sheikul Islam. Sehinggalah pada tahun 1953, jawatan mufti mula diwujudkan.

Objektif Jabatan Mufti Negeri Selangor adalah; (i) Memberi nasihat dan panduan kepada Sultan, Kerajaan Negeri dan masyarakat berkaitan hukum-hukum Islam dan permasalahan umat Islam yang menyentuh soal fatwa, terutamanya yang melibatkan isu semasa, (ii) bekerjasama dengan pihak JAKIM dan Jabatan Mufti bagi negeri-negeri lain dalam penyelarasan Fatwa; dan, (iii) bekerjasama dengan JAIS berkaitan dengan kegiatan dakwah, khutbah Jumaat, pencerapan hilal dan lain-lain.

Misi Jabatan Mufti Negeri Selangor adalah memperkasa kecemerlangan pengurusan institusi mufti menjadi lebih cekap dan berkesan manakala visinya pula, beriltizam menjadi institusi mufti yang berwibawa dalam memartabatkan syariat Islam.

Jabatan Mufti Negeri Selangor berfungsi sebagaimana berikut:

- i. Membantu dan menasihati DYMM Sultan dan Kerajaan Negeri dalam perkara yang berkaitan hal ehwal hukum syarak.
- ii. Mengkaji dan mengeluarkan fatwa terhadap isu yang memerlukan penjelasan hukum syarak.
- iii. Menentukan dan mengesahkan arah kiblat, cerapan hilal, takwim jadual waktu solat dan menjalankan penyelidikan dan pendidikan falak.
- iv. Memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan dalam hal-hal berkaitan akidah, syariat dan akhlak Islam.
- v. Mengurus dan mentadbir semua perkara yang berkaitan dengan pentadbiran, perkhidmatan, kewangan, pembangunan modal insan dan teknologi maklumat.
- vi. Menjalankan penyelidikan dalam pembangunan fatwa.
- vii. Mewartakan fatwa.
- viii. Menjelaskan dan menjalankan pendidikan fatwa kepada masyarakat dengan berhikmah.
- ix. Menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan pembangunan ilmu falak.
- x. Menjalankan khidmat nasihat hukum syarak dan akidah.
- xi. Membangun, mengurus dan memajukan sumber maklumat dan hal ehwal hukum syarak.
- xii. Mengurus dan membangunkan sumber manusia.

Berdasarkan pewartaan, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah banyak mewartakan ajaran-ajaran sesat yang aktif di Negeri Selangor. Antara ajaran-ajaran yang telah diwartakan sesat di Negeri Selangor Darul Ehsan ialah (JAIS 2005):

NO.	NAMA AJARAN	NO. & TARIKH WARTA	TARIKH FATWA
1.	Ilmu Tajalli Ahmad Laksamana (Hakikat Insan)	Sel. P. U. 3. Pindaan Sel. P. U. 44. 23 November 1995	6 Januari 1996 19 Oktober 1995
2.	Tarekat Samaniah Ibrahim Bonjol	Sel. P. U. 9. 24 September 1998	7 Februari 1998
3.	Ajaran Islam Jamaah	Sel. P. U. 11. 24 September 1998	19 Februari 1998
4.	Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Bin Jonit	Sel. P. U. 13. 24 September 1998	17 April 1998
5.	Ajaran Syed Muhamad Al-Masyhor	Sel. P. U. 14. 24 September 1998	17 April 1998
6.	Ajaran Ahmadiyah/ Qadiani	Sel. P. U. 15. 24 September 1998	22 Jun 1998
7.	Fahaman Syiah	Sel. P. U. 15. 24 September 1998	14 Februari 1998
8.	Ajaran Azhar Wahab	Sel. P. U. 16. 7 Oktober 2014	21 September 2014
9.	Ajaran Kumpulan Negara Islam Indonesia	Sel. P. U. 17. 31 Mac 2011	16 Mac 2011
10.	Tarekat Zikrullah Hasan Anak Rimau dan Ayah Pin	Sel. P. U. 45. 23 November 1995	19 Oktober 1995
11.	Golongan Anti Hadis	Sel. P. U. 46. 23 November 1995	19 Oktober 1995
12.	Ajaran Jahar Bin Dumin (Ilmu Hakikat)	Sel. P. U. 47. 23 November 1995	25 Oktober 1995
13.	Aurad Ismailiah Ajaran Mahmud Bin Haji Abd Rahman	Sel. P. U. 48 23 November 1995	25 Oktober 1995

14.	Ajaran Martabat Tujuh Pimpinan Hamzah Bin Embi	Sel. P. U. 53. 7 Disember 1995	18 November 1995
15.	Kumpulan Al-Arqam Pimpinan Haji Ashaari Muhammad	Sel. P. U. 105. 4 Februari 1993	9 Ogos 1994 10 September 1988

6.2.4 Pewartaan Fatwa

Pewartaan fatwa atau disebutkan juga menggazet fatwa bermaksud perihalewartakan, pemberitaan, perkhabaran atau pemberitahuan keputusan tentang sesuatu hukum agama yang belum pernah diputuskan lagi berdasarkan nas Al-Qur'an, hadis dan sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh mufti atau mereka yang berwenang iaitu mempunyai hak tentang keputusan hukum syarak (*Kamus Dewan* 2007: 408; 441; 1802).

Dalam membicarakan pewartaan fatwa sama ada di peringkat negara atau negeri, pewartaan fatwa adalah berdasarkan kepada kedudukan hierarki atau struktur organisasi pentadbiran yang telah disusun. Struktur organisasi di dalam setiap pentadbiran melibatkan jawatankuasa-jawatankuasa yang mempunyai peranan atau tugas tertentu dan mungkin mempunyai sedikit perbezaan prosedur antara Majlis Fatwa Peringkat Kebangsaan dan Majlis Fatwa Negeri-negeri. Jawatankuasa Majlis Fatwa Peringkat Kebangsaan sebagai contoh diketuai oleh seorang pengerusi. Pengerusi bertanggungjawab untuk memanggil ahli-ahli majlis untuk bermuzakarah sekiranya terdapat sesuatu isu yang timbul (Zaini Nasohah 2005: 8).

Seterusnya, setiausaha berperanan mengendalikan urusan memanggil atau menjemput setiap ahli majlis untuk bermuzakarah. Ahli-ahli majlis adalah terdiri daripada mufti-mufti setiap negeri di Malaysia. Mufti-mufti negeri akan dipanggil

jika ada sesuatu isu yang timbul dan pulangnya mereka ke negeri masing-masing dengan membawa hasil keputusan muzakarah peringkat kebangsaan. Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa, JAKIM tersenarai dalam organisasi ini sebagai urus setia (Zaini Nasohah 2005: 9).

Prosedur mengeluarkan fatwa pada peringkat kebangsaan berbeza berbanding dengan prosedur di peringkat negeri. Namun, fatwa bagi sebuah negara dan negeri-negeri umumnya terletak di bawah bidang kuasa fatwa kebangsaan. Selain itu, wujud satu bidang kuasa di bawah Majlis Fatwa Kebangsaan yang memantau dan menyelaraskan Jawatankuasa Fatwa peringkat negeri-negeri khususnya isu-isu besar yang melibatkan persoalan negara ataupun akidah umat Islam. Antara isu-isu besar tersebut ialah fatwa berkaitan pegangan Al-Arqam, golongan anti hadis dan seumpamanya (Zaini Nasohah 2005: 8).

Berikut merupakan langkah atau prosedur pengeluaran fatwa di peringkat kebangsaan:

i. Permohonan Keputusan Fatwa

Satu-satu isu yang timbul sama ada daripada masyarakat mahupun mufti akan dibawa oleh pengerusi untuk diperbincangkan dalam sesi muzakarah. Sebelum sesuatu isu dibawa, isu tersebut telah melalui satu proses kajian atau penyelidikan awal oleh beberapa orang ahli atau panel yang dilantik. Kumpulan ini akan melakukan semakan terhadap draf atau kertas kerja yang membahaskan isu yang akan dibawa ke sesi muzakarah. Kumpulan ini juga akan memperbaiki kesalahan yang berlaku pada draf atau kertas kerja tersebut. Seterusnya, draf atau kertas kerja tersebut akan dibahaskan dalam sesi muzakarah.

ii. Pertimbangan Oleh Jawatankuasa Fatwa

Pada peringkat ini, semua ahli majlis akan bermuzakarah bagi kes atau isu yang timbul dan selanjutnya akan membuat keputusan yang sewajarnya hasil daripada sesi muzakarah tersebut. Di sini setiap ahli akan menggunakan kepakaran masing-masing dalam mencari jawapan bagi kes atau isu yang timbul berdasarkan kepada sumber-sumber pengeluaran hukum seperti Al-Qur'an, As-Sunnah, ijmak, qias dan ijtihad.

iii. Keputusan Fatwa Dibawa Ke Peringkat Negeri

Setelah muzakarah berlangsung dan keputusan dicapai, setiap mufti yang mewakili negeri masing-masing akan membawa keputusan muzakarah peringkat kebangsaan untuk diperbincangkan atau dibahaskan dengan ahli majlis fatwa peringkat negeri.

Walaupun fatwa telah diputuskan dan dicapai melalui Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, namun jawatankuasa fatwa setiap negeri mempunyai hak untuk meminda teks fatwa tersebut selepas dibincangkan oleh jawatankuasa fatwa negeri-negeri. Biarpun keputusan fatwa telah dicapai di peringkat kebangsaan di mana majoriti jawatankuasanya terdiri daripada para mufti setiap negeri, namun perubahan boleh berlaku apabila dibincangkan semula di peringkat negeri (Zaini Nasohah 2005: 8).

Contoh, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia telah memutuskan bahawa ajaran-ajaran tertentu itu sesat dan menyeleweng. Namun, hanya beberapa negeri yang telah mewartakannya sebagai fatwa (Zaini Nasohah 2005: 10).

Pada peringkat terakhir, sesebuah fatwa yang diwartakan akan disiarkan sama ada melalui media elektronik dan media cetak. Pewartaan bertujuan mengelakkan kesamaran dalam

kalangan masyarakat terhadap sesuatu permasalahan atau isu baharu timbul (Zaini Nasohah 2005: 9).

Berikut adalah contoh aliran tindakan menangani ajaran sesat di Malaysia (Sumber: Bahagian Penyelidikan JAKIM 2004):

PROSES	TINDAKAN
Mendapat maklumat atau aduan	Bhg. Penyelidikan
Membuat siasatan dan kajian untuk mendapatkan maklumat yang jelas dan terperinci	Bhg. Penyelidikan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)
Menganalisis hasil kajian	Bhg. Penyelidikan
Menyediakan laporan	Bhg. Penyelidikan
Membentangkan hasil kajian dalam PKA	Bhg. Penyelidikan
Lengkap	
Merangka draf fatwa	Bhg. Undang-undang Bhg. Penyelidikan
Membentang kertas fatwa dalam Muzakarah J/K Fatwa Kebangsaan	Bhg. Penyelidikan
Kemukakan ke Negeri	Bhg. Penyelidikan atau Persidangan Urusan Antarabangsa
Bawa ke Mesyuarat J/K Fatwa Negeri	JAIN/Pejabat Mufti
Keputusan Fatwa dan Pewartaan	JAIN/MAIN & Penasihat Undang-undang Negeri
Penyediaan kertas pertuduhan	Bhg. Pendakwaan atau Penguatkuasaan Bhg. Undang-undang
Pendakwaan di Mahkamah	
Pesalah	

Majlis Penjelasan Akidah dan Taubat	Pusat Pemulihan Akidah Bhg. Dakwah. Penguat kuasa / Pendakwaan Negeri / PDRM dan Jab. Penjara
Pemulihan Akidah	
Pemantauan	


Prosedur mengeluarkan fatwa di peringkat negeri mempunyai prosedur yang perlu diikuti. Setiap negeri prosedurnya hampir sama kecuali berlainan dari sudut teknikalnya sahaja. Dalam konteks Negeri Selangor, kaedah atau prosedur fatwa dikeluarkan; prosesnya bermula dengan isu yang ditimbulkan, penghantaran kepada Mufti, penyelidikan, mesyuarat, makluman keputusan dan draf warta, perkenan daripada Sultan atau Raja dan akhirnya pewartaan.

iv. Isu Yang Timbul

Sesuatu fatwa dikeluarkan apabila timbul sesuatu isu yang memerlukan Mufti mengeluarkan hukum terhadap isu atau permasalahan tersebut.

Seksyen 30 menyatakan: “seksyen 30 (1) tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6) dan seksyen 33. Mufti boleh atas dayanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, atau atas perintah Yang Dipertuan Besar, membuat dan memberitahu dalam Warta Fatwa atau pendapat atas sesuatu soalan yang belum terputus atau soalan yang menimbulkan pertikaian berkaitan dengan hukum syarak.”

Untuk memahami seksyen 30 (1) secara keseluruhan dan menepati maksud yang dikehendaki, maka ia mesti dibaca bersama subseksyen (5) dan (6) daripada seksyen 33 (5):



“apabila mufti bercadang hendak membuat fatwa di bawah seksyen 30, dia hendaklah memanggil satu mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu”.

Sementara seksyen 33 (6) menyebut: *“Jawatankuasa hendaklah menimbangkan cadangan tersebut dan hendaklah (melainkan pada pandangan Jawatankuasa persoalan yang dirujukkan itu adalah remeh atas sebab-sebab lain tidak sepatutnya diputuskan) menyediakan satu rang fatwa berkenaan. Jika rang fatwa yang disediakan itu diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa, Mufti hendaklah bagi pihak atas nama Jawatankuasa memutuskan fatwa berkenaan.”*

Berdasarkan peruntukan seksyen-seksyen tersebut, maka jelas bahawa sesuatu isu itu timbul kemungkinan datangnya daripada pihak Sultan, pihak perseorangan atau atas kehendak mufti (Zulkifli 2008:32).

Ini bermaksud, Sultan boleh meminta mufti mengeluarkan fatwa. Baginda berhak mengemukakan sebarang masalah agama kepada mufti bagi memahaminya dengan lebih baik dan mendalam sama ada untuk peribadinya ataupun untuk maslahat umum yang difikirkan perlu. Ini kerana, Sultan adalah ketua agama bagi negeri di bawah jajahannya (Zulkifli 2008: 33).

Selain itu, fatwa juga dikeluarkan sekiranya terdapat soalan daripada orang ramai melalui surat yang dialamatkan kepada mufti. Persoalan yang meminta fatwa tersebut perlu diteliti terlebih dahulu untuk menimbangkan sama ada persoalan itu wajar difatwakan. Sekiranya persoalan itu dianggap remeh, maka mufti berhak untuk tidak menjawabnya. Ini berpandukan kepada seksyen 33 (6). Mufti juga boleh mengeluarkan fatwa atas usahanya sendiri sekalipun tidak diminta oleh mana-mana pihak untuk maslahat atau kepentingan umum (Zulkifli 2008: 32-33).

v. Penghantaran Kepada Mufti

Seksyen 31 (1) *Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989* memperuntukkan: “Mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat dengan surat yang dialamatkan kepada Mufti”.

Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 ini memperuntukkan bahawa surat yang dihantar mesti dialamatkan kepada Mufti. Peruntukan ini juga menunjukkan bahawa permintaan boleh dibuat dengan surat sahaja termasuk faks, telefon dan sebagainya (Mazni 2004: 124).

vi. Penyelidikan

Apabila fatwa ingin dibuat oleh seorang mufti, maka suatu mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud membincangkan perkara yang hendak diberi fatwa itu perlu diadakan dengan jemputan mufti. Namun, mufti boleh mengarahkan supaya satu kajian atau penyelidikan awal dibuat bersama-sama penyediaan kertas kerja sebelum mesyuarat jawatankuasa diadakan.

Dengan adanya kajian dan penyelidikan awal oleh panel yang dilantik mufti, keputusan fatwa yang diambil akan menjadi lebih matang dan meyakinkan. Dengan kajian dan penyelidikan awal juga pihak mufti ataupun Jawatankuasa Fatwa mempunyai ruang yang mencukupi untuk membuat semakan dan penilaian teliti terhadap butiran isu yang dibangkitkan. Proses kajian dan penyelidikan yang sistematik amat penting dalam membuat keputusan fatwa kerana fatwa bukanlah perkara mudah tetapi ia memerlukan proses pemetikan hukum yang bersistematik. Penyelidikan dan kajian awal ini tidak hanya terhad dilakukan oleh pihak-pihak berkuasa fatwa, tetapi juga boleh dilakukan dengan bantuan pihak lain (Nor Naemah 2002: 24).

Menurut laporan *“Projek Penganalisisan Fatwa-fatwa Semasa di Malaysia”*, pihak-pihak berkuasa fatwa dibantu oleh tenaga pakar dari luar dengan program-program penyelidikan. Antara bentuk penyelidikan yang dilakukan adalah seperti kajian perpustakaan, kajian lapangan, meminta penjelasan dan penerangan daripada pihak-pihak yang berkaitan, meminta bantuan penyelidikan daripada institusi-institusi pengajian tinggi dan lain-lain. Antara cara yang paling kerap digunakan ialah dalam bentuk perbincangan, kajian perpustakaan dan kajian lapangan (Nor Naemah 2002: 24).

Membuat kajian dan penyelidikan sebenarnya menjadi perkara dasar dalam amalan fatwa kerana penyelidikan yang mendalam menjadi tabiat kepada amalan fatwa dalam Islam. Oleh yang demikian, peluang untuk membuat kajian dan penyelidikan yang diperuntukkan bagi amalan fatwa negeri-negeri seharusnya dimanfaatkan dengan optimum. Dengan peluang tersebut, proses pengembangan hukum akan terus berlaku kerana fatwa akan berkembang dengan berkembangnya isu dan permasalahan dalam masyarakat (Nor Naemah 2002: 24).

vii. Mesyuarat

Setelah diteliti dan dibuat kajian awal, maka keputusan awal berkehendakkan sesuatu permasalahan itu kepada pengeluaran fatwa. Maka, isu tersebut akan dibawa dan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa. Pemberitahuan mengenai adanya mesyuarat dibuat secara bertulis dan juga lisan. Pada kebiasaannya, notis mesyuarat akan diberitahu sebulan lebih awal kepada para ahli. Kehadiran adalah amat penting memandangkan jumlah $\frac{1}{3}$ daripada jumlah keseluruhan ahli perlu ada ketika perbincangan. Jika ahli kurang dari $\frac{1}{3}$, maka mesyuarat tersebut akan dibatalkan (Mazni 2004: 126).

viii. Makluman Keputusan Dan Draf Warta


Selepas keputusan fatwa diperoleh melalui mesyuarat, Jawatankuasa Fatwa akan memaklumkan keputusan tersebut kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Sekiranya MAIS bersetuju untuk mewartakannya, keputusan fatwa tersebut akan didraf untuk penelitian YB Penasihat Undang-Undang Negeri. YB Penasihat Undang-Undang Negeri akan memastikan bahasa yang digunakan adalah bahasa undang-undang kerana ia adalah untuk pewartaan (Mazni 2004: 127).

ix. Perkenan Daripada Sultan Atau Raja

Draf Warta yang telah dihantarkan kepada YB Penasihat Undang-Undang Negeri akan diperbetulkan sekiranya terdapat kesalahan. Surat akan dihantar dan dihadapkan kepada Sultan atau Pemangku Sultan untuk mohon perkenan. Sultan atau Pemangku Sultan boleh atas pertimbangannya membenarkan atau tidak membenarkan fatwa tersebut diwartakan. Sekiranya perkenan Sultan atau Pemangku Sultan telah diperoleh, maka fatwa tersebut akan dihantar sekali lagi kepada YB Penasihat Undang-Undang Negeri untuk diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri secara rasmi (Mazni 2004: 127).

x. Pewartaan

Menurut peruntukan di dalam *Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Undang-undang Islam* yang ada sekarang, suatu keputusan yang dibuat tidak dikatakan sebagai fatwa sekiranya ia tidak mengikut prosedur atau tatacara yang ditetapkan. Setelah fatwa disiarkan dalam Warta maka barulah ia boleh dikuatkuasakan. Oleh kerana Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa perkara agama terletak di bawah bidang kuasa negeri maka sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh negeri tertentu hanya mengikat orang yang



tinggal di mana fatwa tersebut diperuntukkan (Zaini Nasohah 2005: 28).

Apabila disiarkan dalam warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di negeri berkenaan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dibenarkan oleh hukum syarak untuk tidak mengikuti fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan atau pendapat peribadi (Zaini Nasohah 2005: 29).

Pada kebiasaannya, fatwa akan diwartakan apabila melihat kepentingan umum. Contohnya, kes-kes ajaran sesat sering diwartakan kerana hanya dengan cara ini pencegahan dan tindakan undang-undang boleh dilaksanakan. Di samping itu, ia dapat menghindarkan masyarakat daripada terjebak dengan sesuatu ajaran sesat. Selain itu, fatwa akan diwartakan apabila ia merupakan perkara baharu yang tiada nas mengenainya sama ada dalam Al-Qur'an mahupun As-Sunnah (Mazni 2004:129).

6.2.5 Penguatkuasaan Fatwa Dan Undang-undang

Farahwahida Mohd Yusuf (2011) menjelaskan bahawa apabila sesuatu fatwa itu diwartakan oleh sesebuah Kerajaan Negeri, maka pewartaan ini mengundang implikasi undang-undang sekiranya umat Islam di negeri tersebut gagal mematuhi. Walau bagaimanapun, proses penguatkuasaan sebenarnya adalah langkah terakhir yang akan dilaksanakan sekiranya masih ada umat Islam yang gagal mematuhi fatwa tersebut.

Mufti mahupun Jabatan Mufti Negeri tidak mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan sesuatu fatwa yang telah diwartakan. Dalam kata lain, Jabatan Mufti Negeri tidak bertanggungjawab dari segi penguatkuasaan. Tugas Jabatan Mufti Negeri hanyalah

menyelesaikan sesuatu persoalan hukum semasa yang diperlukan oleh masyarakat atau kerajaan negeri. Fatwa yang diwartakan akan menjadi hujah undang-undang dan fatwa yang tidak diwartakan hanya sebagai rujukan sahaja.

Dalam konteks fatwa yang telah diwartakan, enakmen negeri masing-masing memperuntukkan bahawa Majlis Agama Islam bagi pihak kerajaan negeri berperanan sebagai pihak yang boleh mendakwa di Mahkamah Syariah, orang Islam yang melanggar fatwa. Lazimnya, keberkesanannya memerangi ajaran sesat di Malaysia terhadap fatwa yang dikuatkuasakan adalah berkaitan dengan pelanggaran hukum syarak yang mana larangan atau pencegahannya tidak terdapat dalam peraturan bertulis atau undang-undang yang digubal oleh negeri-negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga ada menggubal apa yang dikenali sebagai *Undang-undang Jenayah Syariah*. Oleh itu, Majlis Agama Islam diberi kuasa oleh undang-undang untuk menguatkuasakan sesuatu fatwa dengan mendakwa mana-mana orang Islam yang melanggar peruntukan berkenaan sebagai kesalahan jenayah. Pihak Majlis Agama Islam juga boleh memohon kerjasama daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam menguatkuasakan undang-undang sekiranya terdapat unsur-unsur jenayah atau kesalahan tersebut ada kaitan dengan undang-undang semasa.

Secara umumnya, pihak berkuasa negara telah mengeluarkan pelbagai bentuk laporan, risalah, bahan bacaan, dan penerangan kepada masyarakat berkaitan bahaya ajaran sesat terhadap akidah umat Islam. Selain itu, peruntukan undang-undang juga diguna pakai bagi menghalang penyebaran ajaran sesat. Dalam Seksyen 167, *Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor* umpamanya telah memperuntukkan:

“Barang siapa mengajarkan atau menghuraikan kepada sesiapa di mana-mana saja akan sesuatu ajaran atau menjalankan sesuatu ibadah,

istiadat atau sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan hukum syarak, adalah dikira sebagai mengembang ajaran sesat."

Manakala Seksyen 69, *Enakmen Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan* turut memperuntukkan perkara yang sama. Walau bagaimanapun, usaha serta peruntukan undang-undang ini masih belum mencukupi bagi menampakkan hasil yang benar-benar memberangsangkan dalam menangani perkembangan ajaran sesat di Malaysia.

Mana-mana fatwa berkaitan ajaran sesat yang telah diwartakan mempunyai autoriti sepenuhnya. Fatwa tersebut perlu dipatuhi dan tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

6.2.6 Panel Pakar Akidah, Syariat Dan Tasawuf

Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sebagaimana yang telah dinyatakan terdiri daripada pakar-pakar agama dan pakar-pakar bidang tertentu seperti pengerusi serta setiausaha yang dilantik, mufti tiap-tiap negeri, sembilan orang alim ulama dan kalangan profesional serta pakar-pakar Muslim yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja termasuk seorang ahli yang beragama Islam dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau dari profesion undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

Menurut kehendak prosedur Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI, pihak-pihak tertentu yang pakar akan dipanggil untuk memberikan pandangan dan penjelasan terhadap isu-isu yang tidak jelas atau memerlukan penjelasan dan taklimat terperinci supaya semua Ahli Jawatankuasa Fatwa MKI mendapat maklumat yang tepat bagi membuat dan memutuskan keputusan.

Justeru, berdasarkan keperluan, pihak-pihak tertentu yang pakar akan dipanggil untuk memberikan pandangan dan penjelasan terhadap isu-isu yang tidak jelas, maka pemerkasaan

Panel Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI boleh ditambah mantap dengan wujudnya panel-panel pakar dalam bidang pengkhususan-pengkhususan tertentu khususnya dalam disiplin-disiplin kecil di bawah bidang-bidang akidah, fiqh dan tasawuf.

Disiplin akidah sebagai contoh, mempunyai bidang-bidang pengkhususan kecil lain yang memerlukan penguasaan atau kajian fokus serta khusus seperti akidah, ilmu kalam, tauhid pendekatan saintifik, falsafah, aliran pemikiran dalam Islam (*Al-Firaq Al-Islamiyyah*), ideologi semasa, perbandingan agama dan sebagainya.

Manakala fiqh turut mempunyai bidang-bidang pengkhususan kecil lain yang memerlukan penguasaan atau kajian fokus serta khusus seperti fiqh ibadah, fiqh muamalat, fiqh munakahat, fiqh jenayah, *usul fiqh*, *qawaid fiqhiah* dan sebagainya.

Begitu juga tasawuf turut mempunyai bidang-bidang pengkhususan kecil lain yang memerlukan penguasaan atau kajian fokus serta khusus seperti tasawuf Sunni, tasawuf falsafah, tarekat dan sebagainya. Selain urusan-urusan berkaitan tasawuf dan tarekat, ia memerlukan individu-individu yang mempelajari, mengkaji serta mempunyai pengamalan sama ada beramal atau berinteraksi dengan tasawuf dan tarekat tersebut secara dekat.

Suatu usaha yang amat baik apabila Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan di bawah Bahagian Tarekat Tasawuf mempunyai ahli-ahli atau pakar-pakar yang dilantik sebagai Anggota *Jilsah Al-Turuq Al-Sufiyyah* iaitu Ahli Majlis Muzakarah Tarekat-tarekat Kesufian. *Jilsah Al-Turuq Al-Sufiyyah* ini berperanan melaksanakan pengawasan dan pengawalan terhadap tarekat-tarekat tasawuf yang wujud. Jawatankuasa kecil ini bertanggungjawab untuk menyediakan syor kepada Jawatankuasa Fatwa dalam membuat keputusan Permohonan Pendaftaran Tarekat dan semua perkara yang berkaitan dengan tarekat tasawuf. Usaha penubuhan *Jilsah Al-Turuq Al-Sufiyyah* seharusnya diperluaskan di setiap negeri dan berada di bawah Jabatan Mufti Negeri serta di peringkat negara di

bawah naungan MKI.

Kesimpulannya, apabila Panel Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI tersebut mempunyai pakar-pakar bidang pengkhususan yang dikelompokkan dalam kumpulan-kumpulan berasingan berdasarkan disiplin-disiplin akidah, fiqh dan tasawuf, maka segala permasalahan yang perlu ditangani oleh Jawatankuasa Fatwa MKI dapat diurus dengan lebih profesional, cermat dan teliti.

6.3 METODE TEKNIKAL DALAM MEMBANTERAS AJARAN SESAT

Firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ
وَجِدْلُهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ
عَنْ سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”


(Surah An-Nahl; 16 : 125)

Menurut Dr. Khalifah Husain Al-Assal (t.t : 270), para ulama berselisih pendapat dalam merumuskan metodologi dakwah

berdasarkan ayat tersebut. Sebahagian mereka merumuskan hanya terdapat satu metode. Sebahagian yang lain menyatakan terdapat tiga metode yang boleh diguna pakai sama ada satu, dua atau ketiga-tiganya dalam sesebuah masyarakat berdasarkan keperluan dan keadaan. Al-Ghazali adalah di antara para ulama yang menyokong pendapat yang kedua (Al-Ghazali 1991: 41). Tiga metode dakwah berdasarkan ayat tersebut adalah; (i) *al-da'wah bi al-hikmah*, (ii) *al-mau'idhoh al-hasanah* dan, (3) *al-mujadalah bi allati hiya ahsan*. (Khalifah Husain Al-Assal t.thn: 269-298).

Al-da'wah bi al-hikmah bermaksud dakwah dengan hikmat kebijaksanaan. Iaitu penggunaan metode atau kaedah dakwah yang sesuai dengan sasaran, tempat, masa dan keadaan bagi mencapai tujuan dan menjayakan usaha dakwah (Khalifah Husain Al-Assal t.thn: 274). Adapun *al-mau'idhoh al-hasanah* bermaksud nasihat pengajaran atau peringatan yang baik iaitu penggunaan nasihat, dorongan, petunjuk, pengajaran yang bermanfaat dan memberi kesedaran sebagai metode atau kaedah dakwah (Khalifah Husain Al-Assal t.thn: 282). Manakala, *al-mujadalah bi allati hiya ahsan* bermaksud perbincangan, dialog atau debat dengan cara yang lebih baik iaitu perbincangan dengan membantah atau mempertahankan sesuatu pendapat, pendirian dan lain-lain dengan mengemukakan alasan atau hujah secara harmoni dan penuh toleransi (Khalifah Husain Al-Assal t.thn: 290-294).

Antara metode teknikal lain dalam membanteras ajaran sesat ialah dengan aktiviti dialog atau diskusi dan debat. Dialog atau berdialog bermaksud mengadakan dialog, bertukar-tukar pendapat mengenai sesuatu isu secara terbuka. Manakala diskusi pula bermaksud perbincangan mengenai sesuatu hal. Dialog dan diskusi konsepnya hampir sama di mana keduanya dilaksanakan secara terbuka dan harmoni. Adapun debat bermaksud bahas atau perbincangan iaitu perihal mendebat, membahaskan atau membantah sesuatu pendapat, pendirian dan lain-lain dengan mengemukakan alasan atau hujah. Konsep debat dilihat lebih



berbentuk apologia atau apologetik kerana ia merupakan hujah seseorang untuk membela atau mempertahankan pendapat atau tindakannya tentang sesuatu perkara.

Sesungguhnya konsep dialog, diskusi dan debat merupakan konsep-konsep yang berasaskan panduan Al-Qur'an dan As-Sunnah. Contohnya, Al-Qur'an telah mendiskusikan penyelewengan dan kesesatan fahaman-fahaman atau agama-agama seperti Yahudi, Sa'ibin, Kristian, Majusi, dan Musyrik atau Pagan (Surah Al-Hajj; 22 : 17). Rasulullah SAW sendiri berdialog sebagaimana yang terakam dalam sebab penurunan ayat-ayat atau surah-surah; (i) Surah Al-Kaafiruun sebagai contoh diturunkan selepas berlakunya dialog dan diskusi di antara Rasulullah SAW dan kaum musyrikin Makkah yang diwakili Oleh Al-Walid Bin Al-Mughirah, Al-As Bin Wail, Al-Aswad Bin 'Abd Al-Muallib dan Umayyah Bin Khalaf, (ii) Surah Ali 'Imran (3 : 113) dan An-Nisaa' (4 : 47) menceritakan dialog dan diskusi yang pernah berlaku di antara Rasulullah SAW dan pendeta atau rahib Yahudi seperti Ka'ab Bin Al-Akhbar, 'Abdullah Bin Sallam, Tha'labah Bin Sa'id, Usaid Bin Sa'id dan Asad Bin 'Ubayd dan, (iii) Surah Ali 'Imran turut mengisahkan dialog dan diskusi Rasulullah SAW bersama 60 orang Nasrani atau Kristian Najran yang diketuai 'Abd Al-Masih, Al-Ayham dan Abu Harithah Bin 'Alqamah.

Berdasarkan tiga metode dakwah Al-Qur'an iaitu; (i) *al-da'wah bi al-hikmah*, (ii) *al-mau'idhoh al-hasanah* dan, (iii) *al-mujadalah bi allati hiya ahsan*, metode teknikal membanteras ajaran sesat boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk sama ada secara individu atau secara berkumpulan. Berikut dicadangkan tindakan yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, institusi agama Islam, institusi agama Islam negeri, institusi pengajian Islam, ahli politik Muslim, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam, gerakan belia, pendakwah Islam, umat Islam atau individu Muslim dalam menghadapi ajaran sesat.

6.3.1 Kerajaan Persekutuan

- i. Mempermudah akses terhadap penerangan berkaitan agama Islam sebenar yang meliputi aspek akidah, syariat dan tasawuf.
- ii. Mewartakan ajaran atau fahaman sesat secara meluas.
- iii. Meningkatkan sistem pendidikan yang lebih menyeluruh terhadap agama Islam yang meliputi aspek akidah, syariat dan tasawuf.
- iv. Memberi kuasa yang lebih besar kepada Mahkamah Syariah untuk mengendalikan hal ehwal umat Islam terutamanya hal berkaitan ajaran sesat.
- v. Menubuhkan Jabatan Tindakan Khas untuk memantau dan mengatur strategi bagi mengatasi dan membanteras ajaran sesat secara menyeluruh.

6.3.2 Institusi Agama Islam Atau Institusi Agama Islam Negeri

- i. Mengetengahkan peranan Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam menjaga kesucian agama Islam.
- ii. Mewartakan enakmen kawalan ajaran sesat dan melaksanakannya secara menyeluruh.
- iii. Memperkemas dan meningkatkan usaha bahagian penguatkuasaan dalam membanteras ajaran sesat.
- iv. Memperkasa institusi Mahkamah Syariah.
- v. Menggunakan pelbagai medium penyebaran seperti khutbah Jumaat untuk mendedahkan ajaran sesat dalam kalangan umat Islam.
- vi. Memperkukuh bahagian dakwah yang teratur dan lengkap

dengan prosedur menangani ajaran sesat.

- vii. Merangka modul pendidikan khas untuk sekolah agama berkaitan kesedaran terhadap ajaran sesat.
- viii. Menyediakan peruntukan dan mengadakan program kesedaran serta pendedahan berkaitan ajaran sesat.

6.3.3 Institusi Pengajian Islam

- i. Menggerakkan kajian secara praktikal bagaimana untuk berhadapan dengan kumpulan-kumpulan ajaran sesat.
- ii. Menyediakan pakar dalam bidang pengajian dan pengkajian terhadap doktrin-doktrin ajaran sesat.
- iii. Melahirkan pakar-pakar dalam bidang kaunseling kepada golongan yang terpengaruh dengan ajaran sesat.
- iv. Menjalankan penyelidikan (pendekatan psikologi) tentang kecenderungan mangsa-mangsa yang terpengaruh dengan ajaran sesat.
- v. Menjalankan penyelidikan tentang cara dan prosedur menangani pesalah syirik dan murtad.
- vi. Menjadi pusat kecemerlangan ilmu Islam ulung yang mampu menggerakkan peranan penyediaan hujah yang bernas untuk menyucikan perkara-perkara berkaitan akidah, syariat dan tasawuf Islam.

6.3.4 Ahli Politik Muslim

- i. Menggerakkan idealisme dalam memperjuangkan kesucian akidah umat Islam.
- ii. Menggerakkan dan melaksanakan usaha perpaduan atas dasar Islam.

- iii. Membina kesepaduan dalam membela isu akidah umat Islam.
- iv. Merangka agenda dan hala tuju parti untuk membela akidah umat Islam.
- v. Menggerakkan kesepaduan tindakan di Parlimen untuk menyokong undang-undang yang membela dan menjaga kesucian akidah Islam.

6.3.5 Pertubuhan NGO Islam

- i. Mengukuhkan komitmen dan perpaduan serta bersatu membentuk kumpulan pendesak Islam yang kukuh dan murni.
- ii. Membangunkan NGO Islam yang kompeten yang berperanan khusus mengatasi gerakan ajaran sesat.
- iii. Membina kesepakatan dalam kalangan NGO peguam Muslim untuk menangani taktik yang digerakkan melalui usaha perundangan.
- iv. Menjadi *feeder* kepada kerajaan dan institusi agama untuk menghadapi propaganda ajaran sesat.
- v. Mewujudkan saluran dana sumbangan untuk mengawasi umat Islam daripada terpengaruh dengan pelawaan ajaran sesat.

6.3.6 Gerakan Belia

- i. Menggerakkan aktiviti berbentuk keIslaman untuk memperkukuh generasi belia Muslim dengan pegangan Islam yang suci dan murni.
- ii. Mengaktifkan peranan persatuan mahasiswa Islam di

universiti, kolej universiti, kolej swasta atau institusi pengajian untuk menjadi benteng dan peneraju agenda Islam dalam kalangan belia.

- iii. Menggerakkan kempen kesedaran bahaya gerakan ajaran sesat.
- iv. Mengaktifkan kelompok belia atau gerakan belia Islam yang menjadi penggerak dalam kalangan belia berkaitan kesedaran Islam.
- v. Meningkatkan kerjasama dengan NGO dan institusi Islam untuk mempelbagaikan cara membina generasi belia contoh.
- vi. Mewujudkan kumpulan belia masjid atau surau yang aktif di setiap kampung atau kawasan perumahan untuk menjaga dan mengetahui perkembangan semasa belia setempat.

6.3.7 Pendakwah Islam

- i. Mengetengahkan isu-isu ajaran sesat dalam majlis ilmu sebagai pelengkap kuliah sedia ada.
- ii. Menyampaikan kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya ajaran sesat.
- iii. Menyediakan isi penyampaian dan slot berkaitan ajaran sesat.
- iv. Menyebarkan cara dan idea kepada masyarakat bagaimana untuk membina jati diri Muslim yang kukuh.

6.3.8 Umat Islam Dan Individu Muslim

- i. Menanam kepekaan dan keprihatinan yang tinggi terhadap ajaran sesat.
- ii. Menghadapi gerakan ajaran sesat secara berilmu, berjemaah dan berdiplomasi.

- iii. Mengambil tahu dan meningkatkan ilmu tentang taktik dan gerakan terkini ajaran sesat.
- iv. Membina kemampuan untuk berkata tidak apabila dihampiri oleh pemimpin atau kelompok ajaran sesat dan berwaspada dengan tindak tanduk mereka.
- v. Mengajak mereka berdialog (jika ada kepakaran) dan menyebarkan dakwah Islam kepada pemimpin atau kelompok ajaran sesat.
- vi. Melaporkan kepada pihak berkuasa agama dengan segera jika dapat mengesan usaha dan gerakan ajaran sesat.
- vii. Membina benteng diri dan menjaga individu dalam lingkungan tanggungjawab daripada pencerobohan anasir ajaran sesat.

6.4 KESIMPULAN

Kesimpulan perbincangan bab ini adalah seperti berikut:

- i. Peranan membasmi ajaran sesat adalah di atas setiap individu Muslim. Ajaran sesat boleh dibasmi sama ada secara individu atau keluarga, melalui institusi agama atau institusi pendidikan atau kerajaan.
- ii. Agama Islam adalah agama nasihat dengan maksud agama ini berperanan mengawal serta memberi petunjuk kepada manusia agar sentiasa berada di jalan yang benar dan lurus seterusnya mendapat keredaan Allah SWT.
- iii. Sesungguhnya agama Islam itu nasihat daripada Allah, bagi KitabNya, bagi RasulNya dan bagi para pemimpin kaum Muslimin dan orang-orang awam. Ini kerana Islam

menganjur setiap penganutnya agar saling membantu dalam menjaga dan mengawasi sesama mereka agar sentiasa berada di jalan yang benar dan diredai Allah SWT.

- iv. Peranan utama bagi individu dalam membasmi ajaran sesat bermula dengan proses menuntut ilmu kerana sesungguhnya ilmu adalah cahaya, penyuluh dan penyelamat.
- v. Bermula dengan ilmu setiap individu dapat menjalankan peranan tersendiri dalam memberikan kefahaman dan menyedarkan kaum keluarga, rakan dan masyarakat mengenai ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang menyeleweng lagi sesat.
- vi. Karakter, perwatakan, peribadi dan pemikiran seseorang itu terbentuk dari rumah dan keluarganya. Oleh itu, ibu bapa perlulah memainkan peranan menanam benih-benih akidah, syariat dan akhlak Islam yang sebenar dalam kalangan ahli keluarga.
- vii. Institusi agama sangat berperanan dalam membasmi ajaran sesat. Di Malaysia, seluruh negeri mempunyai Jabatan Agama Negeri. Bahkan institusi agama negeri tersebut dinaungi oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan/Raja.
- viii. Institusi pendidikan mempunyai peranan penting dalam membasmi ajaran sesat. Di sinilah bermula *worldview* atau pandang dunia ahli masyarakatnya. Sekiranya pendidikan itu adalah yang terbaik iaitu Islam yang sebenar maka hasilnya juga adalah yang terbaik.
- ix. Antara elemen penting yang perlu dititik beratkan dalam pendidikan atau pengajian Islam ialah akidah, syariat dan akhlak yang sahih.
- x. Kerajaan berperanan penting untuk membentuk rakyatnya

melalui undang-undang, peraturan atau ketetapan tertentu. Lazimnya, rakyat akan mengikut segala ketetapan pemimpin atau negaranya. Sekiranya kerajaan cakna membasmi maka ajaran sesat tidak lagi perlu dikhuatiri.

- xi. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan Jabatan Mufti Negeri bertindak sebagai jentera membasmi ajaran sesat.
- xii. Penguatkuasaan fatwa dan undang-undang amatlah penting dalam membasmi ajaran sesat.
- xiii. Panel pakar khas dalam disiplin-disiplin akidah, syariat dan tasawuf amat diperlukan supaya fatwa diurus dengan lebih profesional, cermat dan teliti.
- xiv. Metode teknikal dalam membanteras ajaran sesat mestilah dilaksanakan oleh semua pihak berdasarkan daya, kuasa dan kemampuan sedia ada.

BAB 7

PENUTUP

7.0 MUKADIMAH

Firman Allah SWT:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۚ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا
الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ۚ وَمَنْ يَكْفُرْ
بِغَايَةِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.”

(Surah Ali ‘Imran; 3 : 19)

Islam merupakan satu-satunya agama yang benar dan diredai oleh Allah SWT. Setiap Muslim perlu meyakini bahawa agama selain Islam adalah agama yang batil kerana tiada lagi selepas kebenaran kecuali kebatilan (Surah Yunus; 10 : 32). Barang siapa yang mencari agama selain Islam maka segala amalannya adalah sia-sia dan di akhirat kelak tergolong dalam kalangan orang-orang yang rugi (Surah Ali 'Imran; 3 : 85). Sesungguhnya agama Islam adalah agama bawaan para nabi bermula daripada Nabi Adam AS sehinggalah mencapai kesempurnaannya di tangan nabi serta rasul terakhir iaitu Muhammad SAW (JAWI 2009).

Islam menurut bahasa bermaksud penyerahan dan kepatuhan. Menurut istilah pula, Islam bermaksud kepatuhan terhadap ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW iaitu menuturkan dua kalimah syahadah dengan keyakinan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SAW serta Nabi Muhammad SAW sebagai utusanNya, melaksanakan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan mengerjakan haji bagi yang berkemampuan.

Islam iaitu agama yang diturunkan Allah SWT sebagai panduan hidup manusia terdiri daripada tiga komponen utama iaitu akidah (kepercayaan), syariat (pengamalan) dan akhlak (pengabdian atau sifat kehambaan). Justeru, seseorang itu hanya akan dianggap sebagai Muslim dan Mukmin sebenar apabila akidahnya suci daripada faktor-faktor kesesatan, syariatnya benar tanpa ada unsur-unsur penyelewengan dan akhlaknya terpuji serta jauh daripada kebobrokan. Sesungguhnya Islam adalah agama yang jelas kebenarannya dan jelas juga batas-batas kekufurannya. Ibnu Majah meriwayatkan daripada Al-Irbad Bin Sariah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

قَدْ تَرَكْتُكُمْ عَلَى الْبَيْضَاءِ لَيْلُهَا كَنَهَارُهَا، لَا يَزِيغُ عَنْهَا بَعْدِي
إِلَّا هَالِكٌ، مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ فَسِيرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ
بِمَا عَرَفْتُمْ مِنْ سُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ،
عَصُوا عَلَيْهَا بِالتَّوَّاجِدِ

Maksudnya: “Sesungguhnya aku telah tinggalkan bagimu agama yang jelas nyata daripada sebarang kesamaran. Jelasnya diibaratkan malamnya seperti siang harinya. Sesiapa pun tidak akan tergelincir darinya selepasku melainkan mereka yang ditakdirkan binasa. Sesiapa yang hidup selepas itu akan melihat kekeliruan yang banyak sekali. Maka hendaklah kamu berpegang dengan apa yang telah kamu ketahui daripada sunnahku dan sunnah Khulafa’ Ar-Rasyidin yang terpimpin. Peganglah kepercayaan itu dengan teguh.”

Sumber rujukan dalam Islam sebagaimana yang disepakati ulama ialah empat iaitu Al-Qur’an, As-Sunnah, ijmak dan qias. Justeru, sebarang kecelaruan atau perselisihan yang timbul perlu dirujuk terus melalui empat sumber utama ini. Namun, perlu diingatkan bahawa rujukan terhadap empat sumber ini mestilah melalui para ulama yang berkelayakan bukan dapat terus dirujuk kepada sumber-sumber tersebut tanpa sebarang panduan. Kesalahan dalam memahami dan mentafsirkan nas-nas syarak tanpa pengetahuan serta kelayakan bakal membawa pada penyelewengan dan kesesatan dalam beragama.

Islam adalah sebuah cara hidup lengkap yang meliputi segala urusan kehidupan manusia. Islam adalah agama yang mudah dalam erti kata sesuai dilaksanakan di semua keadaan, masa dan tempat serta sesuai dengan fitrah kejadian manusia. Ia juga bermaksud Islam adalah agama yang bersifat sederhana, mudah, praktikal dan bertoleransi. Kerana itu penganut agama Islam

disifatkan sebagai *ummatan wasatan* iaitu umat yang sederhana, adil, tidak berat sebelah dalam hal dunia dan akhirat serta seimbang dalam seluruh aspek kehidupannya.

Islam bukan sahaja agama yang bersifat ritual semata-mata tetapi ia memenuhi segala aspek kemanusiaan yang ada pada manusia iaitu sudut mental, emosional, fizikal, intelektual dan spiritualnya. Sesungguhnya Islam ialah agama, undang-undang dan cara hidup sempurna yang diakui Allah SWT untuk panduan manusia bagi mencapai kebahagiaan serta kejayaan dunia dan akhiratnya. Firman Allah SWT:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ
لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya: "Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu."

(Surah Al-Maa'idah; 5 : 3)

7.1 KESIMPULAN

Kesimpulannya adalah:

- i. Akidah dan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) adalah satu-satunya akidah dan pegangan yang dijanjikan oleh Rasulullah SAW selamat daripada api neraka.
- ii. Akidah ASWJ adalah pegangan rasmi institusi dan masyarakat Islam di negara ini yang perlu dipegang dan dipertahankan.

- iii. Ajaran, fahaman, pegangan atau ideologi yang bercanggah dan menyeleweng daripada ASWJ sebagaimana yang difatwakan oleh Majlis Agama atau Pejabat Mufti negeri-negeri seluruh Malaysia perlu dijauhkan.
- iv. Segala ajaran dan fahaman baharu yang mengelirukan perlulah dirujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan, Pejabat Mufti Negeri dan alim ulama bertaualiah serta institusi-institusi Islam lain yang bertanggungjawab.

Firman Allah SWT:

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ
 أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا
 الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

Bermaksud: “(Ya Allah) Tunjukkanlah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniai nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.”

(Surah Al-Fatihah; 5 : 6-7)

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir pimpinan ar-rahman kepada pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Abdul Hamid Ahmad. (2001). *Kenapa masih sesat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Hamid@Yusoff Yunus. (2006). *Penjelasan terhadap 58 ciri ajaran sesat di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Hamid@Yusoff Yunus. (2010). *Asas rujukan dalam bidang akidah Islam*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1991). *Al-Qistas al-mustaqim*. Muhammad Fiktur Shalhat (pnyt.). Beirut: Dar al-Mashriq.
- e-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia. (2013). *Syiah di Malaysia*. (atas talian) <http://www.e-fatwa.gov.my>. (7 November 2013).
- e-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia. (2014). *Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. (atas talian) <http://www.e-fatwa.gov.my>. (29 Jun 2014).
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2007). *Ajaran sesat: Mengenali jalan yang terpesong*. Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Farahwahida Mohd Yusof. (2007). *Aliran kepercayaan: Sejarah dan perkembangannya di Malaysia*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Farahwahida Mohd Yusof. (2011). *Fatwa: Keberkesanannya memerangi ajaran sesat di Malaysia*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI). (2008). *Khutbah merdekakah kita?* Jabatan Agama Islam Selangor, 29 Ogos.

- Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI). 2009. *Khutbah petunjuk dan kesesatan*. Jabatan Agama Islam Selangor, 20 Februari.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 2012. *Khutbah penyelewengan syiah di Malaysia*. Jabatan Agama Islam Selangor, 6 April.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 2012. *Khutbah berpegang kepada akidah ahli sunnah wal jamaah*. Jabatan Agama Islam Selangor, 29 Jun.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 2013. *Khutbah Islam agama yang mudah*. Jabatan Agama Islam Selangor, 15 Mac.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 2013. *Khutbah awas ajaran sesat*. Jabatan Agama Islam Selangor, 19 April.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 2005. *Himpunan ajaran, amalan, dan fahaman yang telah difatwakan dan diwartakan menyeleweng dan sesat dalam negeri Selangor*. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2007. *Fatwa negeri-negeri yang diwartakan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2010. *Penjelasan ciri-ciri utama ajaran sesat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kamus Dewan*. (Edisi ke-4). (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalifah Husain Al-'Assal. (t.t). *Al-Da'wah al-Islamiyyah madkhal wa ta'rif*. Kaherah: Universiti al-Azhar.
- Mazni Abdul Wahab. (2004). Pewartaan fatwa menurut enakmen pentadbiran perundangan Islam Selangor 1989 dan penguatkuasaannya. *Jurnal Syariah* 12(2): 123-147.
- Muhammad Mukhtar Bin 'Atorid. (t.t). *Inilah kitab usuluddin: Iktikad ahli sunnah wal jamaah*. Pulau Pinang: Percetakan Nahdi.

- Mohamad Nidzam Abdul Kadir. (2012). *40 ciri ajaran sesat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Noor Naemah Abd.Rahim. (2002). Ruang ijtihad dalam amalan fatwa di Malaysia: Sorotan dari sudut pentadbiran fatwa. *Jurnal Syariah*, 10(2):19-30.
- Zaini Nasohah. (2005). Undang-undang penguatkuasaan fatwa di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, 27(1): 25-44.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2008). *Fatwa dan mufti: Hukum, etika dan sejarah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.